

AKADEMI SENI  
KEBANGSAAN '2002'

NST 14/6

# Move to a new groove

Contemporary dance is the focus of a new group of young choreographers who are refining their art under the auspices of the Akademi Seni Kebangsaan. SHARANYA MANIVANNAN writes.

**T**HE Akademi Seni Kebangsaan (ASK) has been responsible in large measure for the artistic revolution taking place in Malaysia at the moment.

Having churned out accomplished graduates such as Jerrica Lai and Mohamad Arifwaran to inject new blood into the theatre scene, ASK now tries its hand at another arena: dance choreography.

In order to showcase its emerging talents, ASK set up the *Gelombang Baru* (New Wave) series in alliance with The Actor's Studio and MyDance Alliance in 1999.

The second instalment of the series, *Gelombang Baru 2002*, will feature the work of eight young choreographers who will perform self-created pieces alongside a group of 15 dancers.

ASK's head of dance and artistic director Joseph Gonzales said that *Gelombang Baru* hopes to expose young choreographers to a new audience. "Most of the material is contemporary work, which the audience often finds hard to relate to. So in a way we are also trying to expose the audience to more contemporary work."

"Ten years ago in Malaysia, there wasn't much room for young choreographers. But now, hopefully, we are providing the

opportunity (for them).

"What we at ASK are most importantly trying to achieve is to give young people a chance to perform," he continued.

Among the choreographers featured are Azizi Sulaiman, 21, and Sabarina Masadi, 23, who explore conflict in a relationship through the provocative piece, *Mahu Tak Mahu...*

They explained that the piece focuses on choices, specifically on the choices faced by a man and a woman within the dynamics of their relationship.


Another interesting piece in *Gelombang Baru 2002* is *Su + Kak* by Mohd Kamaludin Mohd Daud, 21, who has trained extensively in dance, locally and in Australia.

"The title is derived from the Malay words 'bisu' and 'pekak' — mute and deaf. The characters portrayed in the piece are not in reality deaf or dumb, but are forced into behaving as if they were by higher powers. So you might say the piece is about censorship," he revealed.

"My piece is about people who are working, a certain type of labour," said Shahril Nizam Shahron, 21, a theatre major who will present *Aku...Menari?!*. "The focus is on movement. For instance, one can be using a screwdriver or other appliance, but it can be interpreted as dance — the movement of using the screwdriver."

The eight pieces in the performance, each of which will be between five and seven minutes long, are still works in progress. Gonzales explained that this is so as to allow the

UP IN THE AIR: Azizi Sulaiman and Sabarina Masadi in *Mahu Tak Mahu*



"It's an art form that you can't quite capture or preserve, unlike, perhaps, a book that has been published. There is always room for change."

The *Gelombang Baru* series is also an avenue for ASK students to test the volatile waters of the local arts scene under the safe wing of the Actor's Studio and MyDance Alliance.

Gonzales explained, "ASK provides a support system because they are our students, but I would like them to take responsibility for themselves and understand the reality of the arts situation in this country."

Thus, the choreographers are left entirely to their own devices and decisions as to what to perform or present. Gonzales admits that he uses the term "Artistic Director" loosely, since he does not guide but only provides assistance.

What can be expected of the show are basically experimental pieces with no particular theme dominating. The audience may not expect to see anything groundbreaking, but Gonzales stresses that "the ASK choreography tends to differ from other schools in the sense that the students have a certain identity that utilises their backgrounds and traditional viewpoints."

They may not be famous yet, but from what can be seen of their enthusiasm and talent, it's safe to say it's only a matter of time before these budding choreographers take flight.

■ *'Gelombang Baru 2002'* is on at the Actor's Studio Box, Plaza Putra on 15 June 2002 at 8.30pm. Tickets are RM17 and RM12 (students).



# Pereka kostum perlu lakukan rujukan

UTUSAN MACAGSIA

23 Mac. 2002

PENONTON mudah membuat kritikan terhadap tatarias, pakaian dan apa saja yang terdapat di tubuh pelakon yang beraksi di pentas. Itu adalah hak mereka untuk memberi komen. Namun, ada ketikanya pendapat mereka tidak sesuai diterima terutamanya jika ia berkaitan dengan sejarah atau zaman berlakunya sesuatu cerita.

Tentu ramai yang masih ingat tentang kostum teater *Lantai TPinkie* karya Sasterawan Negara Datuk A.Samad Said yang dipentaskan sebanyak tiga kali sejak 1997. Latar zaman adalah sebelum merdeka, dengan dunia joget dan masyarakat seni yang susah.

Latar ini tentunya menyukarkan seseorang pereka kostum misalnya untuk menghasilkan karya berbanding zaman kini. Inilah yang terjadi kepada penggiat seni serba boleh Rosman Ishak yang bertindak sebagai pereka kostum dalam teater tersebut.

ROSMAN  
ISHAK...  
pereka  
kostum  
harus peka.



"Saya rasa inilah cabaran paling getir dalam hidup saya sebagai pereka kostum. Saya mengadakan rujukan terhadap pakaian perempuan joget, masyarakat sekitar dan penduduk kampung sebelum mereka beraksi di pentas.

"Jika saya tersilap menghasilkkan kostum, tentu kritikan akan dilemparkan. Hal ini tidak saya senangi apatah lagi ia sebuah karya besar dan menjadi sebutan ramai," katanya.

Menyedari hal ini, Rosman sentiasa melakukan rujukan dan kajian terhadap naskhah-naskhah yang mempunyai latar berbeza. Ini termasuklah purbawara, teater Barat, bangsawan, konvensional, absurd dan sebagainya.

## Juru tatarias

Selain teater *Lantai TPinkie* anak kelahiran Terengganu kira-kira 32 tahun lalu ini juga mereka kostum bagi pementasan teater *Paduka Oedipus*, *Raja Laksamana Bentan*, *Pelayaran Nur Atma*, makyung *Anak Raja Gondang*, *Cindai*, *Assyura* dan terbaru *Anugerah*.

Selain sebagai pereka kostum, Rosman juga terlibat sebagai juru tatarias bagi teater *Yang Menjelma Dan Menghilang*, *Tun Perak* dan *Syakuntala*.

Graduan Teater dari Akademi Seni Kebangsaan (ASK) ini mengakui bahawa bakat dan kreativiti saja tidak menjamin untuk menjadi pereka kostum yang baik. Sebaliknya, mereka haruslah belajar dari semasa ke semasa dan mempraktikkan dalam banyak persembahan.

"Saya melibatkan diri dalam bidang ini secara serius sejak di ASK lagi iaitu pada 1995. Apabila saya keluar dari ASK dan menjadi tenaga pengajar di institusi tersebut, saya terus giat mengembangkan kreativiti saya.

"Dengan cara ini bakat dan daya kreatif saya tidak akan terbiar begitu saja. Ia juga boleh diajar kepada mereka yang berminat," tegasnya.

Rosman juga serba boleh dan pernah beberapa kali mengacarakan majlis terutamanya yang berkonsepkan tradisional. Ini kerana Rosman memiliki skil tarian dan suara yang baik bagi tujuan tersebut. Antaranya, beliau pernah mengetengahkan konsep makyung untuk menjadi pengacara. Beliau muncul dengan konsep ini sebagai Mak Inang ketika menjadi pengacara Malam Puisi Utusan bersama Norzizi Zulkifli yang melakonkan watak sebagai Anak Raja Gondang.

Suara Rosman juga pernah muncul dalam siri *Kampung Boy* iaitu sebagai Opah.

## Kementerian Pendidikan kini iktiraf Diploma ASK

KUALA LUMPUR 19 Mac — Penantian selama lapan tahun berakhir hari ini apabila lulusan Diploma Akademi Seni Kebangsaan (ASK) akhirnya diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan.

Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Tengku Alaudin Tengku Abd. Majid berkata, pengikti-

rafan yang berkuat kuasa serta-merta itu membolehkan program Diploma Seni Muzik, Seni Tari, Teater dan Penulisan Kreatif.

Katanya, pengiktirafan program ASK telah dibuat oleh Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan (JTTPK) yang dipengerusikan sendiri oleh Menteri Pendidikan setelah menilai ASK selama dua tahun setengah.

“Dengan pengiktirafan ini bermakna Diploma ASK setaraf dengan diploma dari Institut Pengajian Tinggi tempatan (IPT) dan graduan ASK boleh memohon jawatan yang sesuai di bawah Perkhidmatan Awam,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar bagi mengumumkan pengiktirafan program yang dikendalikan oleh

ASK di bawah pentadbiran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan di Matic, hari ini. Beliau berkata, selaras dengan pengiktirafan itu ASK akan menambah program latihannya dan sebagai permulaan pada pengambilan Mei 2002, ASK akan mengadakan kursus ke-10 kalinya, iaitu program sinematografi.

## Diploma Akademi Seni Kebangsaan diiktiraf

KUALA LUMPUR: Graduan serta bakal graduan daripada Akademi Seni Kebangsaan (ASK) di bawah Kementerian, Kesenian dan Pelancongan kini boleh menarik nafas lega apabila diploma akademi itu diiktiraf setaraf dengan diploma lain daripada Institusi pengajian tinggi tempatan (IPTA) yang lain.

Ini berikutan pengumuman Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan (JTPPK) dipengerusikan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad pada 17 Januari lalu bahawa Diploma Seni Muzik, Diploma Seni Tari, Diploma Teater dan Diploma Penulisan Kreatif ASK telah diiktiraf bagi maksud lanjutan ke dalam Perkhidmatan Awam Malaysia.

Ketua Setiausaha Kementerian berkenaan, Datuk Tengku Alaudin Tengku Abd Majid, berkata pengiktirafan diploma ASK itu adalah satu lagi titik sejarah yang menyokong usaha pembangunan kebudayaan serta mempertingkatkan kecemerlangan hasil karya seni tanah air.

Menurutnya, semenjak ASK ditubuhkan pada 1994 dan bermulanya program diploma, akademi itu berjaya menghasilkan tiga kumpulan graduan yang semuanya berjumlah 108 orang.

"Kurikulum ASK adalah unik dalam ertikata struktur latihan dalam bidang tari, teater, penulisan dan muzik yang dilaksanakan adalah berlandaskan kesenian tradisional rakyat Malaysia," katanya.

## Diploma ASK sudah dapat pengiktirafan

KUALA LUMPUR: Ibu bapa tidak perlu ragu-ragu untuk menghantar anak mereka belajar di Akademi Seni Kebangsaan (ASK) berikutan kerajaan sudah mengiktiraf pengajian peringkat diplomasnya setanding dengan institusi pengajian tinggi lain.

Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Tengku Alaudin Abdul Majid, berkata sesuai dengan pengiktirafan itu, ASK bersedia menerima lebih ramai pelajar yang ingin mendalami bidang seni pada sesi baru, bermula Mei ini.

Beliau mengakui sebelum ini ada ibu bapa keberatan menghantar anak mereka belajar di ASK kerana masalah pengiktirafan tetapi dengan keputusan Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan, Januari lalu, ia melegakan banyak pihak.

Bercakap dalam pertemuan di sini, Tengku Alaudin yang juga Pengerusi Majlis Akademik ASK berkata, pelajar yang memilih ASK beruntung kerana ramai tenaga pengajarnya terkenal dalam bidang seni tertentu.

Sebagai contoh, Zakaria Ariffin, tidak asing lagi dalam bidang drama, Joseph Gonzales, tarian dan Ramlan Imam bidang muzik.

Tengku Alaudin berkata, ASK akan terus menekankan 60 peratus pengajian dalam bentuk praktikal dan 40 peratus bentuk teori bagi melahirkan insan seni seimbang.

ASK menawarkan kursus tari, muzik, teater dan penulisan, manakala mulai sesi ini akan memperkenalkan satu kursus baru iaitu sinematografi, seni pendokumentasian dan pemaparan imej bergerak.

"Fokus ASK pada kursus itu untuk mengeluarkan penggiat seni terlatih yang memahami nilai estetika di dalam sesebuah pemaparan yang menggunakan medium media," katanya.

Menurut Tengku Alaudin, di antara kursus wajib pada pelajar sinematografi ialah seni gambaran dan penceritaan, filem, televisyen dan video serta teknik sinematografi dan rakaman serta pengadunan bunyi.

apa, malah Dermia juga hairan mengapa kekasihnya mengejar cinta sahabatnya.

Apabila Oberon mengetahui kesilapan Puck, dia meminta Puck agar membetulkan kesilapan itu dengan segera. Tetapi keadaan semakin huru-hara apabila Puck membuat Demetrius membalas cinta Helena dan pada masa yang sama, Lysander tetap mengejar cinta Helena. Helena menuduh Dermia cuba menghinanya kerana Helena selalu berasa dirinya tidak secantik Dermia.

Komposisi antara dua pasang kekasih ini bergerak serentak dengan perkembangan cerita. Semakin memuncak dan hangat konfliknya, semakin cepat gerak lakon dan ruang. Namun aspek lakon tidak berapa mendalam daripada perkembangan watak. Pelakon terlalu ghairah terhadap

kecepatan pergerakan cerita dan ruang, sehingga mereka terbawa-bawa dengan kecepatan mood diri masing-masing. Mereka terlalu banyak menjerit. Boleh dikatakan bahawa mereka banyak menjerit dialog mereka. Keadaan ini menyebabkan luahan dialog menjadi monotonous. Kehadiran pari-pari berkasut roda, agak hambar tetapi ada juga unsur hiburan yang menarik.

Dalam kisah, Oberon sekali lagi memarahi Puck kerana terus membuat kesilapan. Niat asal Oberon adalah untuk melembutkan hati isterinya. Tetapi permainan Puck yang kadangkala nakal menyebabkan para pelawak sarkis (badut) turut terbabit. Semasa Bottom (Mohd. Fauzi Rais) sedang berlatih dengan kawan-kawannya, Puck datang mengacau. Dia menukarkan Bottom menjadi

separuh keldai tanpa Puck sedari. Apabila Titania terjaga daripada tidur, dia sepatutnya akan menurut dan menyukai Oberon setelah ubat pengasih dihembuskan kepadanya, tetapi Titania ternampak Bottom lebih dahulu lalu terus jatuh cinta.

Bottom dilayan dengan istimewa oleh Titania dan pari-pari. Setelah Oberon meminta Puck merawat Titania semula, barulah Titania menyedari bahawa dia sedang melayan manusia keldai. Titania kembali kepada Oberon.

Suasana teater ini sentiasa diserikan oleh kemeriahan para pelakon dan respons para penonton. Bukan mudah untuk membina konsentrasi penonton dalam sebuah persembahan di pentas terbuka. Namun secara keseluruhan, Rohani berjaya menambat tumpuan penonton untuk memahami dan menghayati kisah Shakespeare ini, terutama bagi penonton remaja.

Pada malam kedua, kebanyakan penonton terdiri daripada remaja. Ternyata mereka terhibur dengan persembahan yang berwarna ceria ini. Walaupun tahap pemahaman mereka tidak diketahui, tetapi kisah main-main cinta ini memang disukai oleh golongan remaja.

Sedikit sebanyak kisah ini dapat mendorong generasi muda asas mendekati diri mereka dengan budaya menonton teater. Walaupun dalam kehangatan malam dan tidak ada pelakon ternama, namun teater ini tetap menarik dan berjaya dihidupkan. Dengan adanya beberapa orang pelakon yang banyak pengalaman dalam dunia teater, maka semua penonton yakin terhadap persembahan yang menarik. **tc**



Dunia sarkis membawa elemen ceria dan meringankan bahasa Shakespeare.

## Traditional dance fest

AKADEMI Seni Kebangsaan will present two evenings of traditional dance at the Malaysia Tourist Centre (MTC) in Kuala Lumpur on Feb 9 and 10 at 8.30pm.

This is part of the academy's continuous efforts to promote traditional dance, some of which have never been presented in Kuala Lumpur.

The evening will be divided into three sections:

- Court dance — showcasing dances

that have their origins in the royal courts namely *joget*, *gamelan*, *asyik* and *terinai*. These dances are graceful with strong emphasis on hand movements.

- Folk dances of Sarawak and Sabah — *zapin sindang*, *ajat Iban induk*, *bolak-bolak* and *mangunatip* originate from the various communities of Borneo. The dances are performed during the harvest festival and also performed to invoke and appease the spirits.

- Folk dances from the peninsula — these dances like the *joget serampang 12*, *tari piring Pahang* and *zapin pekajang* are lively and performed during celebrations such as weddings.

The dances are supervised by traditional dance luminaries Sharifah Mahani Syed Kassim, Suhaimi Magi, Norjayadi Jasan and other guest lecturers.

For details, call 03-21649180.

## CATATAN SEORANG PERINDU


Dari dingin yang menusuk  
membentuk khusyuk di wilayah sepi  
hangat yang melonglaikan  
sujud tersungkur di pintu rindu  
bulan malam didakap sepi  
sumpah alam kian menunjukkan erang  
membentuk hening dalam kasih yang panjang.

Di sini catatan seorang perindu melakarkan mimpi  
sebuah mimpi dalam risik sebuah impian  
sebuah citra dalam risik sebuah kesyahduan  
melakar satu pengertian dalam alun tenang  
dan kelana sebuah rindu semakin panjang  
getir menghambur mengucup kesepian perindu.

Di sini catatan seorang perindu  
mengalir dari alur kelananya yang jauh  
dan jaraknya semakin memenjarakan langkah.

Di sini catatan seorang perindu  
mencatat erti perjalanannya  
dan semakin bercambah  
kasih dalam hening yang panjang.

**Zurairi Hanip**  
Akademi Seni Kebangsaan  
Kuala Lumpur  
6 Februari 2002



## BISIKAN PERANTAU

Aku seorang menyusuri  
Setiap liku dan tubir berapi  
Namun tiada yang pernah peduli  
Mereka jua pernah merasai ...

Di lorong ini  
Aku jejak pandangan hati  
Mendengar rintihan sepi  
Menangis tanpa henti  
Meratapi kesedihan yang dihadapi  
Derita terus menggamit diri.

Di jalanan ini  
Kujekaki penuh tanda tanya  
Lintasan robot menyentak rasa  
Pandanganku dikaburi, curiga  
Akan lenyapkan segala gembira?  
Hilangkah kesegaran yang pernah kurasa?  
Udara disaluti abu, debu kian merata.

Di tengah kota ini  
Ingin kujerit segala duka  
Siapakah yang harus dipersalahkan?  
Kemajuan atau keinsanan manusia  
Kerana  
Hilang sudah segala ketenangan kota  
Yang suatu ketika kudamba  
Kekal dan tersemat dalam rasa.

Namun  
Kutemui jua persimpangan desa  
Inginku tenggelam dalam dakapannya  
Melayan realiti yang kudamba  
Biar badan dikandung maya  
Aku akan di sini buat selamanya.

**Olivia Anak Babai**  
Universiti Malaysia Sabah  
28 September 2001



NEW STRAITS TIMES, THURSDAY, FEBRUARY 21, 2002

## KL Education Fair 2002

*Akademi Seni  
Kebangsaan  
focuses on the  
acquisition of  
artistic skills,  
writes AHMAD  
SUFFIAN.*

# Master the arts at ASK

**A**KADEMI Seni Kebangsaan (ASK) or the National Arts Academy is a training institution focusing on the performing arts.

Set up in 1994 under the auspices of the Ministry of Culture, Arts and Tourism, ASK's role is to plan and implement training programmes in dance, theatre, music, and creative writing.

Its curriculum was formulated and designed to take into account established methods in teaching of the arts and the need to preserve, popularise and develop the traditional arts of Malaysia.

It conducts full-time diploma level courses that last three years (six semesters), in dance, theatre, music, and creative writing.

Certain subjects from

each academic department are offered to part-time students, each of which runs for a semester. It is also planning to conduct courses in cinematography this year.

The focus of its training programme is the acquisition of artistic skills, hence 70 per cent of the students' time is spent on studio work, rehearsals, stage productions and performances, while 30 per cent is spent on theory.

ASK plays a major role in nurturing young, talented and creative artistes who in turn are contributing directly to the development of Malaysia performing arts, be it in the form of new works or in the traditional performing arts genre. It conducts courses on dance/music/theatre performances; workshops and master classes and academic discussions on



*ASK ... Plays a major role in nurturing young talent*

specific topics.

□ For details, contact Akademi Seni Kebangsaan (Culture, Arts and Tourism Ministry), 33rd floor,

Empire Tower, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur; Tel: 03-21649180 ext 250 (Norizah Arshad) or ext 220 (Melah Khalid); or Fax: 03-21641986.

Inside	
Marriage material	p22
Home improvement	p24
Hair supply	p25
The dragon's graveyard	p28-29
TV Guide	p31

## CHASING AFTER SHADOWS

Wayang kulit, taught as an academic subject and revered as an art, needs to be brought into the light if it is to survive in the modern age, says Sharifah Hamzah



pictures by HARI IBRAHIM

**P**UPPETS IN THE NUSANTARA region are not just for kids. In fact, it has been an integral part of the lives of those in the various communities since ancient times. *Wayang kulit* is said to be one of the oldest performing artforms in Asia.

In its heyday, it not only brought entertainment and classic stories to a vast sector of the communities, it was also used as an informal tool of education, information and even social criticism.

Historical records show that in Java, religious teachers used the *wayang kulit* to spread the teachings of Islam. The practitioners of the arts were respected as cultural proponents, and the skills, which were often handed down from father to son, took a lifetime of dedication to

master.

The term '*wayang kulit*' itself refers to performances using puppets casting shadows with the use of a screen and a light-source. The puppets are usually made of animal hide or wood.

At the recent Festival Wayang Nusantara organised by Akademi Seni Kebangsaan, it was as though the wide world of *wayang kulit* from the region had opened up in the cosy auditorium of the National Art Gallery.

Some of the more well-known forms of *wayang kulit* include *wayang kulit Kelantan*, *wayang purwa* and *wayang golek*.

*Wayang kulit Kelantan*, also known as *wayang kulit Siam*, is the form of *wayang kulit* that Malaysians are

most familiar with. It is, as its name suggests, popular in Kelantan as well as Trengganu, Pahang and southern Thailand.

The puppets are smaller than the other forms of *wayang* and the *hikayat*, or annals are told in the Kelantan-Patani Malay dialect.

In contrast, the *wayang purwa*, which was introduced by Javanese immigrants and still exists in Johor, uses stylised puppets which do not resemble actual physical human form. The faces are also unconventionally painted white, black, red and maroon. Many of the stories are derived from Javanese myths and performed in Javanese.

■ turn to PAGE 20

Ahad-  
13 Okt 2002

# Minat teater Mak Yong

Oleh RAMLAH ZAINAL  
ramlahzainal@hmetro.com.my

**S**TATUS sebagai isteri tidak menghalang pelakon teater dan dramatis berbakat, Juhara Ayob, 31, untuk terus bergiat aktif dalam bidang yang diminatinya sejak dulu dan seterusnya memberi sumbangan dalam memeriahkan lagi perkembangan dunia seni tanah air.

Cuma, mungkin dia terpaksa membataskan sedikit kegiatan seninya dan bijak membahagikan masa, sesuai dengan statusnya sebagai isteri, bagimemastikan kerjayanya tidak menggugat kebahagiaan rumah tangga yang baru dibina bersama suami tercinta.

Hello MA menghubungi Juhara, Ahad lalu, untuk bertanya khabar mengenai perkembangan terkini pelakon ini.

**Metro Ahad (MA):**  
Assalamualaikum. Apa khabar, lama tak dengar berita. Masih aktif berlakon ke sejak kahwin?

**JUHARA (J):** Saya dan keluarga sihat. Saya akan berangkat ke Langkawi malam ini kerana menjayakan pentas teater Mak Yong di sana, sempena Tari 2002 - Celebrating Asian Dance yang bermula 4 Oktober lalu hingga 12 Oktober (semalam). Kami mewakili Akademi Seni Kebangsaan (ASK) bagi menjayakan pentas teater di sana bersama delegasi dari negara Asean.

Selepas ini saya akan menjayakan sketsa teater, sempena Anugerah Seni Negara 2002 pada 23 Oktober ini. Teater itu akan mementaskan sedutan teater yang pernah diarahkan tokoh teater tanah air yang juga penerima anugerah, Datuk Syed Alwi Syed Hassan yang menyumbang dalam perkembangan dunia teater



sejak 1970-an hingga kini.

**MA:** Selain teater, bagaimana pula dengan dunia lakonan?

**J:** Saya baru selesai penggambaran telemovie selama 10 hari keluaran Bright Network, Bila Ayah Minta Kahwin, khusus untuk Hari Warga Tua yang akan disambut tidak lama lagi.

**MA:** Adakah suami memberi sokongan sepenuhnya untuk bergiat aktif dalam kegiatan seni selepas mendirikan rumah tangga?

**J:** Sebagai isteri, saya kena pandai bahagikan masa antara kerjaya dan rumah tangga, walaupun suami beri lampu hijau. Mungkin kerana dia juga terbabit dalam bidang sama, sebab itu dia faham minat saya.

Saya juga akan pastikan jadual penggambaran tidak menjejaskan saya daripada menunaikan tanggungjawab sebagai isteri dan waktu bersama keluarga. Jika boleh, saya akan memilih penggambaran hana sekitar Kuala Lumpur.



**MA:** Boleh ceritakan bagaimana timbul minat untuk mendalami bidang teater Mak Yong?

**J:** Saya minat tarian Mak Yong dan irama tradisional sejak dulu lagi. Secara kebetulan pula di ASK, kami diwajibkan ambil kursus yang mengkhusus kepada cabang seni berkenaan.

**MA:** Ada dapat tawaran berlakon filem?

**J:** Sebelum ini, saya pernah berlakon dalam filem Joho dan ia pengalaman yang sangat berharga bagi saya. Jika ada tawaran watak yang sesuai untuk berlakon filem dan tidak mengganggu jadual kerja dan rumah tangga saya, pasti saya akan pertimbangkan.

**MA:** Bila hendak menimang anak?

**J:** Kami bercadang menimang cahaya mata dalam waktu terdekat ini dan berharap mendapat sepasang anak kembar, jika boleh lelaki dan perempuan. Secara kebetulan, mak mentua hendak pergi menunaikan umrah dan kami minta dia mendoakan supaya impian itu tercapai.

**MA:** Apa cita-cita dan perancangan masa depan?

**J:** Saya ingin mendalami bidang teater Mak Yong secara lebih mendalam bagi memartabatkan lagi warisan irama tradisional ini. Saya juga mendapat galakan sepenuhnya daripada pensyarah di ASK, Fati-mah Abdullah.

**MA:** Terima kasih.

**J:** Sama-sama.

## King Lear temui khalayak Malaysia

WILLIAM Shakespeare telah meninggal dunia 386 tahun lalu. Namun, karya-karya seni penulis unggul kelahiran Stratford-upon-Avon, England itu tetap segar hingga ke hari ini.

Dalam bidang drama, banyak karya yang unggul dihasilkannya termasuklah *A Midsummer Night's Dream*, *Romeo and Juliet*, *Julius Caesar*, *Hamlet*, *Othello*, *Macbeth*, *Anthony and Cleopatra*, *The Tempest*, *As You Like It* dan *Henry (IV hingga VI)*.

King Lear antara naskhah terkenal yang ditulis oleh Shakespeare. Naskhah ini seperti menjadi naskhah 'wajib' bagi pelajar atau penggiat seni yang mahu tampil sebagai pelakon teater yang berwibawa.

Sehubungan itu, Akademi Seni Kebangsaan (ASK) sekali lagi mengetengahkan teater klasik dalam pementasannya *King Lear* yang sedang berlangsung sehingga 20 Oktober ini di Pusat Pelancongan Malaysia (MTC), Kuala Lumpur.

### Mesej

Teater ini memberi peluang kepada masyarakat Malaysia untuk melihat pemikiran penulis Barat pada zaman yang berbeza dengan zaman kini. Namun, mesej yang disampaikan tetap relevan biarpun telah berusia ratusan tahun.

Menariknya teater ini menggabungkan tenaga pengajar dan pelajar ASK sebagai pengarah dan pelakon. Marzuki Ali yang menjadi pensyarah di ASK muncul sebagai pengarah manakala Ahmad Yatim yang menangani watak utama sebagai King Lear juga tenaga pengajar di sana. Sementara itu seorang



HAMZAH Tahir melakonkan watak Kent.

lagi pensyarah ASK, Hamzah Tahir sebagai Kent.

Pelajar ASK, Saiful Bakhtiar memegang watak Albany, Ismaliza Ishak sebagai Goneril, Wan Kenari Wan Ibrahim sebagai Edmund, Amira Sariyati Mohd. Hatta sebagai Regan dan Zuriah Mohamad memegang watak Cordelia.

Teater ini mengisahkan King Lear, Raja Britain yang sudah tua berhasrat membahagikan kuasanya sama rata kepada tiga puterinya - Goneril, Regan dan Cordelia yang masih remaja.

Apabila ditanya Goneril melahirkan pernyataan kasih terhadap bapanya.



AHMAD Yatim muncul sebagai King Lear.

Regan pula memuji bapanya berlebihan. Cordelia bagaimanapun jujur dengan kasih sayang terhadap bapanya dan enggan menyanjungnya - dia sekadar menyatakan kasih sayang itu adalah antara anak dan bapa.

Lear bagaimanapun kecewa dengan sikap Cordelia dan menarik balik warisan kuasa yang diberinya walaupun Raja Perancis menyatakan yang dia berbangga untuk berkahwin dengan Cordelia. Apabila salah seorang pembesarnya, Kent cuba memberikan alasan, Lear menghalaunya keluar dari kerajaan Britain - SRA.

## King Lear temui khalayak Malaysia

WILLIAM Shakespeare telah meninggal dunia 386 tahun lalu. Namun, karya-karya seni penulis unggul kelahiran Stratford-upon-Avon, England itu tetap segar hingga ke hari ini.

Dalam bidang drama, banyak karya yang unggul dihasilkannya termasuklah *A Midsummer Night's Dream*, *Romeo and Juliet*, *Julius Caesar*, *Hamlet*, *Othello*, *Macbeth*, *Anthony and Cleopatra*, *The Tempest*, *As You Like It* dan *Henry (IV hingga VI)*.

King Lear antara naskhah terkenal yang ditulis oleh Shakespeare. Naskhah ini seperti menjadi naskhah 'wajib' bagi pelajar atau penggiat seni yang mahu tampil sebagai pelakon teater yang berwibawa.

Sehubungan itu, Akademi Seni Kebangsaan (ASK) sekali lagi mengetengahkan teater klasik dalam pementasannya *King Lear* yang sedang berlangsung sehingga 20 Oktober ini di Pusat Pelancongan Malaysia (MTC), Kuala Lumpur.

### Mesej

Teater ini memberi peluang kepada masyarakat Malaysia untuk melihat pemikiran penulis Barat pada zaman yang berbeza dengan zaman kini. Namun, mesej yang disampaikan tetap relevan biarpun telah berusia ratusan tahun.

Menariknya teater ini menggabungkan tenaga pengajar dan pelajar ASK sebagai pengarah dan pelakon. Marzuki Ali yang menjadi pensyarah di ASK muncul sebagai pengarah manakala Ahmad Yatim yang menangani watak utama sebagai King Lear juga tenaga pengajar di sana. Sementara itu seorang



HAMZAH Tahir melakonkan watak Kent.

lagi pensyarah ASK, Hamzah Tahir sebagai Kent.

Pelajar ASK, Saiful Bakhtiar memegang watak Albany, Ismaliza Ishak sebagai Goneril, Wan Kenari Wan Ibrahim sebagai Edmund, Amira Sariyati Mohd. Hatta sebagai Regan dan Zuriah Mohamad memegang watak Cordelia.

Teater ini mengisahkan King Lear, Raja Britain yang sudah tua berhasrat membahagikan kuasanya sama rata kepada tiga puterinya – Goneril, Regan dan Cordelia yang masih remaja.

Apabila ditanya Goneril melahirkan pernyataan kasih terhadap bapanya.



AHMAD Yatim muncul sebagai King Lear.

Regan pula memuji bapanya berlebihan. Cordelia bagaimanapun jujur dengan kasih sayang terhadap bapanya dan enggan menyanjungnya – dia sekadar menyatakan kasih sayang itu adalah antara anak dan bapa.

Lear bagaimanapun kecewa dengan sikap Cordelia dan menarik balik warisan kuasa yang diberinya walaupun Raja Perancis menyatakan yang dia berbangga untuk berkahwin dengan Cordelia. Apabila salah seorang pembesarnya, Kent cuba memberikan alasan, Lear menghalaunya keluar dari kerajaan Britain – SRA.

## WARNA MIMPI DI MALAM PANAS

Oleh SERI KHIRNNA

SELAMA TIGA MALAM, PENTAS Terbuka MTC, Jalan Ampang diwarnai oleh suasana seperti sebuah produksi sarkis Barat dan busananya seperti kembali ke abad ke-18. Penuntut Akademi Seni Kebangsaan mengembalikan naskhah komedi popular Shakespeare yang dialih ke dalam bahasa Melayu dengan tajuk *Mimpi di Malam Panas (MDMP)*. Tajuk asalnya *A Midsummer Night's Dream*.

Adaptasi karya Shakespeare ini diarahkan oleh pengarah wanita yang tidak asing lagi, Rohani Yousoff. Kreativiti gabungan set, warna, dan pencahayaan dapat memberi dan meyakinkan penonton untuk bersama-sama menikmati dan memahami alur cerita. Pemilihan dunia sarkis untuk membawa kisah ciptaan Shakespeare ini merupakan persepsi menarik kerana banyak elemen ceria dapat dibawa dan dapat meringankan bahasa Shakespeare agar tidak mendatangkan kebosanan.

Apabila persembahan begini disajikan di kalangan remaja, selain para pelakon yang terdiri daripada generasi muda, cara persembahannya juga cuba mendekatkan diri dengan dunia remaja masa kini.

Kekuatan karya Shakespeare bergantung pada pintalan konflik



Corak persembahan yang menarik dalam *Mimpi di Malam Panas*.

antara watak utama. Kekeliruan watak Puck (Shahrul Mizad) mengembangkan konflik dan mencetuskan kelucuan. Puck ialah sejenis makhluk halus yang setia berkhidmat untuk tuannya, Oberon (Rosman Ishak). Jika dalam naskhah asal, Oberon ialah umpama dewa bersama-sama isterinya Titania (Mardiana Ismail). Tetapi dalam persembahan ini, Oberon dijadikan sebagai pemilik sarkis. Ubat pengasih Oberon untuk melembutkan hati isterinya telah mencetuskan huru-hara apabila Puck tersilap menghembuskan ubat pengasih itu kepada dua pasang kekasih yang bekerja di sarkis tersebut.

Lakonan Puck, Titania, dan Oberon berjaya menambat hati penonton. Terutama Shahrul Mizad yang berperanan watak Puck, yang banyak pengalaman dalam pelbagai aliran teater, berjaya memanipulasikan perwatakannya. Para

penonton terhibur dan kenal akan watak itu.

Momentum yang dibina oleh Rohani Yousoff juga pantas, dan tidak membosankan. Bagi dua pasang kekasih Lysander (Shahril Nizam Shahron) dengan Dermia (Sharmaine Othman) dan Demetrius (Ce'Kem) dengan Helena (Engku Norzalifah Engku Rased) ada keserasian antara mereka. Ketulusan hati watak-watak ini yang tidak tahu diri mereka telah dikucar-kacirkan oleh Puck tanpa sengaja, menjadi fokus utama perjalanan cerita. Helena yang pada mulanya mencintai Demetrius, tetapi sentiasa hampa dengan layanan hambar daripada Demetrius menjadi keliru apabila tiba-tiba sahaja Lysander, kekasih Dermia mencintainya. Helena ketakutan dan menyangka dirinya dipermainkan oleh rakannya, Dermia. Hakikatnya Dermia tidak tahu apa-

## DIARI

- PERSATUAN Penulis Kelantan (PPK) akan mengadakan Majlis Mesra Aidilfitri PPK 2002 di Dewan Pusat Usahawan Mara (Pusma), Tingkat 2, Kompleks Mara, Jalan Dato Pati, Kota Bharu pada 9 Disember 2002. Majlis terbuka kepada semua sasterawan.
- APAS Enterprise sedang menganjurkan peraduan menulis sajak jenaka untuk Anugerah Sajak Jenaka Alam Siber 2002 (AS-JAS 2002). Hadiah RM1,000 disediakan untuk sajak jenaka terbaik yang disiarkan di laman web <http://www.communityzero.com/sajen> sehingga 31 Disember 2002 ini. Peraduan ini ialah acara tambahan kepada pertandingan menulis esei untuk Anugerah Puisi Alam Siber 2002 (APAS 2002) yang boleh disertai di laman web <http://www.communityzero.com/penyair>. Untuk keterangan lanjut, sila lawati laman web berkenaan atau hubungi e-mel: [drwan@hotmail.com](mailto:drwan@hotmail.com)
- SEBANYAK 80 karya koleksi himpunan tetap Balai Seni Lukis Negara yang mempamerkan pembentukan peribadi elektif dalam seni moden Malaysia dipamerkan sehingga akhir tahun ini. Karya ini menggambarkan masyarakat majmuk, budaya dan persekitarannya yang membentuk Malaysia moden serta pengaruh moden bermula dari 1930-an. Keterangan lanjut hubungi Hashimah Nyok 03-40254990
- PAMERAN Mini Perayaan Masyarakat Malaysia diadakan di Perpustakaan Akademi Kebangsaan dari 1-30 Disember. Orang ramai dijemput hadir. Keterangan lanjut hubungi Raizuli 019-2158064/03-21649180.
- PAMERAN lukisan berunsur seni bina diadakan di lobi Hotel Concorde, Shah Alam. Pelukis terbabit Chris Tan, Federica Armstrong, Nirmala Karupiah dan Severine Blanhiet dari 1 November hingga 3 Januari 2003. Keterangan lanjut hubungi Wendy Yap 03-55177107.
- KONSERT Muzik 3E di Akademi Seni Kebangsaan pada 21-22 Disember. Keterangan lanjut hubungi Raizuli 019-2158064/03-21649180.
- BALAI Seni Lukis Negara menganjurkan 'Saksi.' Pertandingan Seni Lukis bersejarah ke-
- produk bercirikan Seni Khat dan Zukhruf seperti persenjataan, pakaian, bangunan dan hiasan dalaman di Kompleks Kraf Kuala Lumpur, Jalan Conlay, Kuala Lumpur dari 20 November hingga 15 Februari 2003. Orang ramai dijemput hadir. Keterangan lanjut hubungi 03-Faezah/Fazlin 03-21627533 sam 176.
- MAJLIS Penyampaian Hadiah Karya Ilmiah 2001 di Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur jam 8.30 malam pada 20 Disember 2002. Semua dijemput hadir. Keterangan lanjut hubungi Ismail Karmun 012-2676460/03-21483193.
- PELANCARAN buku 'Majlis Raja-Raja Kedudukan Dan Peranan Dalam Perlembagaan' di Hotel Nikko jam 10 malam. Semua dijemput hadir pada 26 Disember 2002. Keterangan lanjut hubungi Ismail Karmun 012-2676460/03-21483193.
- SEMINAR Pemikiran Ulama' Syeikh Abdus Samad Ai-Palembani di Dewan Masjid Kompleks Al-Bukhari, Alor Star, Kedah jam 8.30 pagi. Semua dijemput hadir. Keterangan lanjut hubungi Ismail Karmun 03-21483193/012-2676460.
- DEWAN Bahasa dan Pustaka (DBP) mengadakan Majlis Citra Wangsa 2002 pada 17 Disember 2002 di Hotel Nikko jam 8 malam. Keterangan lanjut hubungi Ismail Karmun 012-2676460.
- SYARAHAN Awam Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (Lestari) UKM akan berlangsung pada 19 Disember 2002 jam 9 pagi di Bilik Senat, Bangunan Canselor, UKM Bangi. Orang ramai dijemput hadir. Keterangan lanjut hubungi Radzuan Ghazali 013-2087937
- MALAM Anugerah Seni UKM 2002 pada 20 Disember 2002 jam 9 pagi di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (Dectar), UKM Bangi. Semua dijemput hadir. Keterangan lanjut hubungi Radzuan Ghazali 013-2087937.
- KARNIVAL Intervarsiti 2003 bertemakan 'Masa hadapan cerah menerusi ilmu pengetahuan' anjuran Jawatankuasa Kebajikan Siswa-Siswi (Jaksa) Kolej Tun Dr Ismail dan Persatuan Mahasiswa Perubatan (Pesiap) UKM akan berlangsung pada 25 Januari

Ahad  
23 Feb 2003.

PERPUSTAKAAN  
AKADEMI SENI KEBANGSAAN

AD

penggambaran bermula jam 12 tengah hari. Esok, penggambaran akan diadakan di Spektrum, Ampang. Antara pelakon terbabit, Amy Mastura, Anuar Zain dan Kumpulan Spider.

- PEMENTASAN drama tari, Mahsuri oleh Kumpulan Kesenian Petronas akan berlangsung di Dewan Filharmonik Petronas, KLCC, jam 8.30 malam ini. Tiket berharga RM35, RM30, RM20 dan RM10 boleh ditempah menerusi Box Office di talian 03-20517007 atau e-mel: [dfp\\_boxoffice@petronas.com.my](mailto:dfp_boxoffice@petronas.com.my).
- KUMPULAN VE dan Ruffedge akan menjayakan persembahan Sunday Nite Live di Planet Hollywood, Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur, jam 10.30 malam ini. Bertemakan Extreme Pleasure, bayaran masuk RM35. Untuk pertanyaan, hubungi 03-21446602.
- PENYANYI Kumpulan Antz, Fairuz akan menjayakan rancangan Karaoke Bersama Pendengar siaran Radio Malaysia Selangor, jam 12 tengah hari esok. Dia akan menyanyikan lagu yang dipetik daripada album sulung Antz, Pintas termasuk Sebat, Prasangka dan Lydia.
- BROADWAY Entertainment mempelawa komposer baru yang berminat untuk menghasilkan lagu bagi album terbaru, Shawn Baharin dan artis Indonesia, Iva Virginia. Hantarkan pita demo menerusi pos atau datang ke Broadway Entertainment, 14B-4, Jalan 14/20, 46100 Petaling Jaya, Selangor. Untuk pertanyaan, hubungi Anissa Fasya di talian 03-79586727.
- PERSEMBAHAN reunion Wings akan berlangsung di Traveller's Palm Fun Pub, Pan Pacific Glenmarie, Subang, Selangor pada 7 Mac ini bermula jam 10 malam. Bayaran masuk RM35. Untuk pertanyaan, hubungi Zulbahrin Ahmad di talian 03-7803100 sambungan 7376.
- BENGKEL Teater Bersama Oriza Hirata anjuran Akademi Seni Kebangsaan (ASK) dengan kerjasama The Japan Foundation, Kuala Lumpur, akan berlangsung di Studio ASK, Tingkat 32, Empire Tower, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur, bermula 22-28 Februari, jam 9 pagi. Penyertaan terhad kepada 20 peserta saja.

# Terapkan nilai murni dalam karya seni

4M 12/6



ABDULLAH ZAINOL (kanan), Mohd Noor Sahid dan Ida Rahayu semasa dialog dengan Dr Siti Zaharah di Kuala Lumpur Isnin lalu..

Oleh KHADIJAH IBRAHIM

PARA penggiat seni diseru agar lebih realistik dan peka terhadap permasalahan sosial dalam menerbitkan atau menghasilkan karya.

Ini kerana karya seni yang dihasilkan itu secara tidak langsung mampu memberi kesan positif dan negatif kepada khalayak. Kerana itu setiap karya yang dihasilkan perlulah diterapkan nilai-nilai masyarakat murni sebagai salah satu usaha untuk menangani gejala sosial.

Saranan itu dibuat oleh Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman semasa dialog dengan wakil daripada pelbagai pertubuhan dan persatuan kesenian di Kuala Lumpur Isnin lalu.

Antara penggiat seni yang hadir sesi dialog itu ialah pengarah drama dan teater terkenal Abdullah Zainol, produser filem Ida Rahayu Mohd Noor, Timbalan Presiden Karyawan Freddie

Finas.

Bercakap kepada wartawan selepas dialog tertutup itu, Dr Siti Zaharah berkata, langkah itu bagi memastikan karya tersebut mampu memberi kesan positif kepada masyarakat.

Untuk perancangan jangka pendek, Dr Siti Zaharah meminta para penggiat seni supaya tampil mengemukakan pandangan yang positif dalam usaha membantu pihaknya membanteras gejala sosial.

"Ini merupakan kali pertama kita adakan perbincangan dengan penggiat seni sebagai langkah untuk membincang persoalan berkaitan senario sosial," ujar beliau.

Menurutnya, ini juga sebagai melengkapi Dasar Sosial Negara yang boleh dijadikan sebagai asas untuk menangani permasalahan sosial.

Sebab itulah beliau mahu para penggiat menghasilkan filem atau drama yang menfokuskan pada pelbagai dilema masyarakat sebagai pendekatan untuk memberi kesedaran.

Salah seorang produser filem dan

drama tempatan, Ida Rahayu Mohd Noor yang menghadiri dialog itu berkata, saranan Dr Siti Zaharah sememangnya memberi kebaikan kepada penerbit sepertinya.

Ini kerana selain daripada memberi bantuan geran, Kementerian juga akan membantu daripada segi promosi.

"Apabila sesebuah filem atau drama sudah menjadi bahan kempen membanteras gejala sosial, secara tidak langsung ia akan menarik perhatian ramai," ujar Pengarah Urusan Eurofine itu lagi.

Memandangkan kesan untuk jangka panjang itulah, para penggiat seni sanggup memberi kerjasama kepada Kementerian berkenaan dalam usaha untuk melahirkan masyarakat murni.

Tambah Ida, beliau juga dimaklumkan bahawa mana-mana pihak yang bekerjasama dengan Kementerian berkenaan menghasilkan karya bermutu dan memberi kepentingan kepada masyarakat akan mendapat kelengkapan daripada Lembaga Penapisan Filem Malaysia (LPFM).



NORLIZA ROFLI



RAMLAN IMAM

# Beringin sertai festival muzik etnik dunia

Kombinasi pensyarah dan graduan ASK dalam Beringin adalah unik dan komposisi muzik yang dihasilkan secara berkumpulan iaitu *The Round Table* berjaya melakar pertembungan elemen tradisional dan etnik versi baru

Oleh Ellyna Ali

DEMI memartabatkan khazanah muzik tradisional dan etnik dalam bentuk irama yang lebih global dan dikenali sebagai *fusion etnik*, kumpulan Beringin dari Akademi Kebangsaan Malaysia (ASK) buat pertama kalinya akan turut sama menyertai Festival Rainforest World Music yang diadakan di Perkampungan Budaya Sarawak, mulai hari ini hingga 14 Julai ini.

Festival kali kelima anjuran Perkampungan Budaya Sarawak pada setiap tahun ini akan turut disertai kumpulan muzik dari seluruh dunia yang akan mempersembahkan muzik tradisional dan etnik mereka mengikut warna dan kebudayaan bangsa

la juga akan turut menjadi medan pertemuan setiap pemuzik untuk bertukar pengetahuan dan mempelajari muzik etnik dan kebudayaan masing-masing dalam bengkel khas turut diadakan pada festival itu nanti.

Beringin yang ditubuhkan pada awal 2001 di bawah naungan ASK yang dianggotai sembilan pensyarah dan graduan akademi itu sudah memperlihatkan keghalrahan untuk menyertai festival yang cukup berprestij itu.

Pengarah ASK, Norliza Rofli, berkata penyertaan Beringin dalam festival ini adalah satu pencapaian ASK dalam mempertingkatkan penghayatan dalam bidang muzik.

"Kita di ASK juga berasakan bahawa kita juga perlu membabitkan dalam program seumpama ini anjuran orang kita sendiri.

"Bukan hanya pembabitkan di luar negara saja kerana terbukti festival anjuran Perkampungan Budaya Sarawak berprestij dan diakui kepentingannya oleh dunia.

"Malah, ini juga adalah satu landasan untuk kita menunjukkan kepada dunia bahawa kita juga ada pemuzik profesional serta bunyi dan warna muzik Malaysia yang tersendiri," katanya pada sidang akhbar di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Seperti kata Norliza, kombinasi di antara sembilan pensyarah dan graduan ASK dalam Beringin adalah sesuatu yang unik apatah ia dianggotai pemuzik yang bukan calang-calang seperti Ruslan Imam sebagai pemain bass, gitar dan sapelele, Aznul Haidi (keyboard), Hamdan Adnan (clarinet/perkusi/sapetar), Zahid Ahmad (dram/perkusi), Rosdan Abbas (gitar, gambustar/sapetar), Jeffrey Yong (gitar/sapelele/sapetar), Shireen Jasin Mokhtar (perkusi/marimba), Juanita Ismail (vokal/keyboard/cak lempong) dan Rohimi Sobeng (vokal/perkusi).

Komposisi muzik yang dihasilkan secara berkumpulan iaitu *The Round Table* juga berjaya melakar pertembungan elemen tradisional dan etnik versi baru yang turut digabungkan bersama dengan percussion Barat.

Ketua Program Muzik ASK, Ramlan Imam yang juga penasihat Beringin, berkata komposisi *fusion etnik* yang dibawakan oleh Beringin adalah hasil gabungan warna muzik tradisional etnik menggunakan alat muzik seperti sape, paluan, pukulan dan percussion yang dicipta daripada buluh.

"Yang cantiknya ialah elemen *rythemic, line, patem* dan *groovy* daripada buluh, gong dan rotan berjalan seiring.

"Apa yang boleh saya katakan, hasil kerja Beringin bukan satu kerja yang dilakukan sambil lewa. Bukan juga ibarat potong dan tampal.

"Inilah muzik dalam kategori *wise* dan ia memerlukan fahaman yang tinggi untuk difahami. Bukan senang juga untuk kita gabungkan kesemua pemuzik ini untuk menghasilkan sesuatu.

"Ada kala *line* yang membabitkan sentunan etnik yang lebih saja terpaksa diulang berkali-kali hingga tiga jam," katanya.

Pada sidang akhbar itu juga, Beringin sempat memperlihatkan sedikit *prebui repertoire* mereka yang akan dipersembahkan dalam Festival Rainforest Muzik nanti yang mengisahkan lima orang bijaksana lari pedalaman hutan tropika berkumpul untuk mendengar cerita bagaimana manusia memusnahkan hutan belantara dan mereka cuba mencari jalan bagaimana untuk menghentikan kemusnahan berkeaan.

# Majlis Bicara Puisi cungkil penulis pelapis

Oleh Ismas Saring

MAJLIS Bicara Seni dan Seminar Penulisan di Auditorium Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam, baru-baru ini bermakna khasnya kepada calon penulis yang pastinya bakal menghadapi pelbagai dugaan, rintangan dan cabaran sebelum berjaya mencipta nama.

Seramai 500 peserta hadir pada majlis anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Selangor (JKKS) dengan kerjasama Akademi Seni Kebangsaan (ASK) yang bertujuan melahirkan barisan pelapis dalam bidang penulisan puisi, cerpen, novel, drama, teater dan lakon layar.

Pensyarah ASK, A Rahim Abdullah, berkata majlis berkenaan sebelum ini diadakan di Kuantan dan Johor Bahru turut mengadakan temumuka dengan kumpulan pelajar yang minati bidang seni dan budaya.

"Tugas utama ASK ialah melahirkan penggiat dan pemikir seni yang berilmu dan menerusi pelaksanaan berpaksi kepada 'ilmu mesti diamalkan dan amalan mestilah berbudi-budaya'," katanya ketika memperkatakan Teori dan Prinsip Penulisan Umum dan Cereka Moden.

Rahim banyak mempromosikan ASK termasuk peluang mendapatkan pendidikan penulisan seni bagi memperlengkap pengetahuan kepada mereka yang ingin mencebur diri dalam bidang penulisan tertentu.

Ismail Ahmad juga dari ASK memperkatakan Penulisan Skrip Cereka Pawagam (Lakon Layar) manakala rakan setugasnya Mohd Ghazali Abdullah menyinggung persoalan Teori dan Prinsip Penulisan Sekrip Lakon Layar.

Ramai peserta yang bertanya dan di antara yang menarik adalah pertanyaan biasa yang penulis dengar dalam pelbagai bengkel, kursus dan seminar penulisan iaitu: tidak tahu ke mana menghantar karya dan kenapa tidak disiarkan.

Pertanyaan itu memang meloyakan tetapi ada logiknya, kerana hakikatnya memang berlaku kepada penulis terutama bagi baru berjinak dengan penulisan dan ia tidak aneh kerana daripada 100 peserta, tidak

sampai 20 berjaya dimahkotakan sebagai penulis.

Dalam hal yang sama, penulis teringat kepada kata-kata Sasterawan Negara (SN) Datuk Abdullah Hussein yang mendakwa: untuk menjadi penulis mereka perlu bukan saja kreatif, ketabahan, kesabaran tetapi kesetiaan dan kesungguhan dalam bidang itu.

Seseorang yang ingin berjaya dalam penulisan puisi, cerpen, drama dan novel, katanya, bukan mudah tetapi terpaksa mengharungi pelbagai rintangan dan dugaan termasuk banyak karya dihasilkan dan dihantar ke pelbagai penerbitan tetapi tidak disiarkan.

"Namun jika seseorang itu benar-benar gigih dia tidak wajar berputus asa sebaliknya terus menulis dan berusaha, akhirnya bakal mendapat tempat jua," katanya.

Ertinya, seseorang yang mengimpikan 'robe' penulis bukan mudah hanya dengan menulis satu dua puisi, cerpen atau skrip drama tidak diizinkan sudah 'longlai' dan hilang tongkat seterusnya rasa pesimis dan putus asa. Golongan ini bukan sahaja tidak mencapai kejayaan dan gagal tetapi kecewa sampai 'qulluhum' yang akhirnya memusuhi dunia penulisan!

Siapa pun yang memberi ceramah atau kertas kerja dalam bidang penulisan mereka pastinya menyarankan supaya calon penulis banyak membaca karya agung atau menimba pengetahuan daripada mereka yang lebih berpengalaman.

Ismail dan Mohd Ghazali tidak kurang memberi petunjuk kepada calon yang ingin berjaya dan melengkapkan diri dengan semua pengetahuan+teori+pengalaman hanya menerusi ASK dan mendedahkan kepada calon-penulis lakon layar dengan pelbagai disiplin atau rukun penulisan.

Mohamad Shaid (centre) listening to an explanation on the old craft of 'wayang kulit.'

**T**HOSE who want to show their artistic side are welcome to display their skill and showmanship at the Laman Tuanku Abdul Rahman in Kuala Lumpur.

City Hall hopes the outdoor area near the Coliseum cinema will become the gathering place for amateur and professional artists and performers.

Datuk Bandar Datuk Mohamad Shaid Mohd Taufek said those involved in the arts like drawing, singing, dancing, sculpting, carpentry and stage acting should take the opportunity to show their talents.

"We invite all of them, not only art lovers but also newcomers who want a chance to perform. This will be the place to be," he said after launching the *Ilham Seni Carnival* at the area on Saturday.

The get-together of artists and performers will be held on the first and third week of the month.

Mohamad Shaid said City Hall had formed a secretariat which would arrange the programmes for the participants.

"We will decide the performance time so that it will be fun for all and there will not be *kecoh-kecoh* (chaos)," he said.

He hoped the event would be an attraction to local and foreign tourists who would be able to learn more about the city, traditions and lifestyle.

The mayor said the local authority would also allow "a limited number of" hawkers in the area to provide food to the visitors.

"This place belongs to everybody. It's free entertainment," he said.

Asked if City Hall would allow participants to collect money from the public who appreciated their performances, he said: "I have to think about it because when I thought about this event, the question of profits didn't cross my mind," he said.

He, however, said participants would be allowed to sell their artwork.

He said City Hall would only consider performances that entertained the masses and livened up the atmosphere.

Mohamad Shaid said the bimonthly event would be interactive as participants would be able to explain the art and techniques to the public.

He said such an interaction between art lovers and the artistes would prevent the art from dying.

"We hope such kind of activities will help reduce the side-effects of rapid development in the city," he added.

The KL mayor later took to the stage and recited a poetry he had composed, titled *Tuntutan Dari Pusara* (A Claim From the Grave).

Also present were director-general Datuk Ruslin Hasan, national laureate Datuk A. Samad Said and veteran actor and director Datuk Jins Shamsuddin.

Participants are required to submit details of their performances and scripts for approval.

For details, visit the secretariat at Level 3, Annexe Block, Menara Tun Razak in Jalan Raja Laut or call 03-2692 0636/581/429 (Zakaria Yusof/Zainon Manan).

# Menonggeng ke arah penonton bukan teaterikal!

AKADEMI Seni Kebangsaan (ASK) melangkah ke hadapan bersama tradisi. Itu yang tertulis pada muka surat pertama buku cendermata iv monodrama persembahan Akademi Seni Kebangsaan yang berlangsung dari 20 hingga 23 September 2002 di Auditorium Muzium Negara. Dengan lain perkataan, ASK menjadikan tradisi sebagai jati diri perjalanan usianya. Ia membanggakan jika benar sebagaimana yang tertulis dan dijadikan motto itu. Namun ada keraguan yang menyisir nuansa lokalisasi ketidakseimbangan dalam memanfaatkan pengertian 'melangkah ke hadapan bersama tradisi'.

Definisi tradisi berkait rapat dengan kesusilaan. Keperibadian manusia mencerminkan tinggi rendah akal budinya meskipun barangkali sekadar seorang tukang tampal kasut umpamanya. Nilai tradisi tidak berslogankan budaya papan tanda atau mukadimah yang berbau retorik. Ia menjelaskan bahawa kebudayaan dan kesenian adalah mekanisma yang meletakkan nilai tradisi dipertanggungjawabkan atau sebaliknya.

Kemunculan teater, bangsa-wan, wayang kulit dan filem adalah sebagai alat komunikasi untuk manusia menyemak tanda keburukan atau kebaikan pada dirinya. Kebudayaan dan kesenian mempunyai tanggungjawabnya yang rapat bahkan menjadi kesatuan dalam kehidupan manusia itu sendiri. Mungkin manusia perlu mengenali budaya atau kesenian secara lebih terperinci sebelum menterjemah makna kehidupan secara longgar yang lebih bersifat testimonial.

Kesempatan menyaksikan dua monodrama pada 22 September yang diarahkan Marlia Musa dan Rosdeen Suboh dengan judulnya *Di Bawah Lindungan Kaabah* (berdasarkan novel Hamka) dan *Dinding*, menjelaskan bahawa citra melangkah ke hadapan bersama tradisi tidak menampakkan ciri itu. Malah, ia seperti memperlihatkan aroma pembentukan kebidaban dalam sebuah persembahan teater.

Nilai tradisi yang membentuk keindahan dan ketertiban tidak membolehkan seseorang memberi (menghalakan) punggung kepada penonton atau khalayak. Itu peradaban yang menjadi teras dalam pembelajaran mengenai bangsawan. Asas kepada teater moden di Malaysia ialah bangsawan. Penekanan mempelajari bangsawan (kursus wajib) sebelum melangkah ke pembelajaran teater moden atau program



selainnya di ASK, menjadikan tunjangan ke arah peradaban dan kesusilaan kepada pelajar secara umumnya.

Namun keberhasilan menemipatkan diri dalam perenggan kreativiti mereka yang mempunyai potensi sebagai penerus aktiviti kesenian dan kebudayaan khususnya teater, tidak semestinya menjadi 'robot' kepada daya kreatif yang menyimpan dari kesopanan dan kesusilaan. Anjakan paradigma (bunyi mungkin klise) metodologi kesenian tidak bermakna apa yang dianggap seni menghalalkan segala-galanya. Definisi seni mungkin terlalu muluk untuk disenaraikan secara terperinci. Namun seni harus mengembalikan kepercayaan manusia kepada teori 'usul menunjukkan asal'.

Dalam hubungan ini penyalahgunaan pentas sebagai premis untuk memperolok-olokkan khalayak selain memperbudakkan nilai kesopanan, memperlihatkan kualiti pemikiran penterjemah sesebuah persembahan. Mereka yang bertanggungjawab terhadap fenomena sebagaimana dikatakan ialah pengarah dan pemain (pelakon). Mungkin benar apa yang dilakukan itu adalah sebuah lakonan mengenai kebobrokan nilai manusia umpamanya. Akan tetapi persempadanan nilai sosial antara pemain dengan khalayak mempunyai ruang peradabannya yang tersendiri. Ciri ketertiban masih berlaku walau pun pemain (pelakon) menjadi anjing.

Itulah yang berlaku pada persembahan monodrama *Dinding* karya Dorothy Jonathan Ling yang diarahkan Rosdeen Suboh, lakonan Nizam Bahari. Dengan rasa yakin Nizam menonggeng tepat ke arah penonton dengan posisi sebagaimana rukuk. Perlakuan itu berkesinambungan kepada posisi ketika sujud dengan punggung dihalakan tepat kepada penonton dalam jangka masa agak lama. Inikan bentuk persembahan teaterikal? Jika begitu, dalam konteks keindahan seni budaya di mana pula letaknya?


Selasa - 24/09/2002

Komen -

Anjuran  
Perpustakaan Negara Malaysia  
Sempena  
Bulan Membaca Kebangsaan  
2002



Akademi Seni Kebangsaan (ASK) adalah sebuah institusi pengajian tinggi di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia yang menyediakan latihan di dalam bidang seni persembahan dan diiktiraf oleh Jabatan Pendidikan Awam, Kementerian Pendidikan Malaysia. Anda yang berminat untuk mengikuti program pengajian dalam bidang seni persembahan secara sepenuh masa bagi program bertahap Diploma- Program Muzik, Program Penulisan, Program Tari, Program Teater, Program Sinematografi atau mengikuti kursus-kursus separuh masa bertahap Sijil adalah dipelawa memohon.



أكاديمية سنڤ كڤڤانسان  
**AKADEMI SENI KEBANGSAAN**

**Program Sepenuh Masa  
 Pengajian Bertahap Diploma  
 3 tahun Mei 2002 - April 2005**

08 MAR 2002  
 Atukar Chen  
 Nanyang Siang Pau

**Program Separuh Masa  
 Pengajian Bertahap Sijil**  
 Tempoh pengajian

**1 semester 28 Mei - 5 Oktober 2002**  
 (2 hingga 6 jam seminggu bagi setiap kursus selama 14 minggu)  
 Kursus yang ditawarkan

**PROGRAM TEATER**  
 Produksi Teater Moden  
 Produksi Teater Klasik  
 Lakonan Untuk Televisyen dan Filem  
 Kostum dan Tatarias  
 Vokal Untuk Pentas

**PROGRAM PENULISAN**  
 Penulisan Drama Sebak  
 Bengkel Terjemahan Skrip  
 Penulisan Drama Adaptasi  
 Penulisan Drama Bersiri TV  
 Penulisan Komedi Situasi TV  
 Penulisan Lakonan Lari



**Program Sinematografi**  
**Program Penulisan**  
**Program Teater**  
**Program Muzik**  
**Program Tari**

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN**  
 Program Sepuluh Masa  
 Pengajian Bertahap Diploma  
 Program Sepuluh Masa  
 Pengajian Bertahap Sijil

# ANOTHER BLOW LOCAL THEATRE

## Broadway musical cancelled at the last minute due to permit problems

By CHOW EE-TAN

THE local theatre suffered another blow as the Broadway musical, *A Funny Thing Happened On The Way To The Forum*, was cancelled at the eleventh hour because the permit for the play was denied.

None of its permit applications for four foreign performers in the show was processed by the Culture, Arts and Tourism Ministry although the applications were pursued for a month.

The musical, jointly presented by local theatre group Gardner & Wife with the National Arts Academy (NAA) and the Malaysian Tourism Centre (MTC), was supposed to have opened its three-week run last night at the Auditorium of the late Tun Abdul Rahman (formerly MATIC) at MTC in Jalan Ampang.

The lead role is played by local celebrity Chef Wan who is making his debut in the theatre. There is a cast of 17, with a nine-piece orchestra.

Expressing disappointment at a Press conference yesterday evening, Richard Gardner and Chae Lian of Gardner & Wife, accused the authorities of sabotag-



Chef Wan: In the lead role

ing the musical for which they had worked very hard. He said over RM200,000 was spent in pre-production costs for the musical and now, the theatre company was in debt.

"We have no sponsors and financial support and now, we are probably out of business. We are very sad," said Gardner.

He said the musical provided job opportunities for over 50 locals, including actors, musicians and craftsmen who had been working daily for the past five weeks.

"If the Government is serious in making Kuala



Gardner (left) stressing a point during the Press conference. On the right is Chae Lian.

Lumpur an international city, they should support and not sabotage the theatre," said Gardner.

He also questioned the Government's alleged "double-standard" when it involved granting permits to foreign and local plays.

"A foreign production like *Fame* is given the red carpet treatment whereas they close the door at our faces," said Gardner.

"While the Government openly courts wholly-imported shows and supports them with tax breaks, free rent and even presenting them at our National Theatre, local theatre companies continue to

struggle to survive," added Chae Lian.

She said they were informed on Thursday afternoon that the permit applications for its four foreign performers could not be processed on time.

The foreigners among the cast are Simon Gray, Jodie LaRiviere, Gani Abdul Karim and Brian McIntyre. Gray, the musical director, is from Britain and Gani is a Singaporean. Both LaRiviere and McIntyre are Malaysian residents.

"To us, it is a form of cultural exchange but the Government did not recognise it that way," said Chae Lian.

The applications submitted at the Ministry's newly-established one-stop centre on March 19.

On April 1, Gardner and Wife were called to the Ministry to fill out the relevant forms.

They claimed that late upon calling the Ministry's assistant secretary Jasbir Rasit to check on the applications, they were told they were being processed but that there were no problems.

A bitter and dejected Chef Wan was in tears as he lashed out at the Government for its lack of support.

He said he had devoted

# Juhara Ayob

## Utamakan keluarga

Oleh TENGKU KHALIDAH  
TENGKU BIDIN

**P**ELAKON Juhara Ayob akan mengurangkan aktiviti lakonan sahaja melangkah ke gerbang perkahwinan beberapa hari lagi.

Bekas pelajar Akademi Seni Kebangsaan (ASK) ini percaya, kerukunan rumahtangga dan keharmonian hidup berkeuarga banyak bergantung kepada sifat tolak ansur terutamanya isteri.

Justeru itu Juhara yang berusia 31 tahun ini membuat keputusan untuk memilih hanya satu atau dua drama sahaja dalam sebulan selepas bergelar isteri.

"Berdasarkan pengalaman rakan-rakan, saya melihat cabaran perkahwinan bagi seseorang artis lebih besar. Jadual kerjaya yang tidak menentu menyebabkan sukar untuk membahagikan masa," ujar Juhara.

Lantaran itu dia memilih untuk mengurangkan aktiviti lakonan apabila berkahwin.

Juhara akan mengakhiri zaman bujangnya pada 1 Jun ini dengan seorang pengarah drama, Mohd. Fairuz Mansor yang berusia 34 tahun.

Majlis persandingan pasangan ini akan diadakan di Wisma Belia, Kuala Lumpur pada keesokan harinya dan Juhara sudah melayangkan kad undangan perkahwinan kepada keluarga dan kenalan rapatnya.

Meskipun menghadkan aktiviti lakonannya, Juhara tidak berhasrat menamatkan perkhidmatannya sebagai tenaga pengajar di ASK.

Baginya, tugas menyampaikan ilmu

kepada pelajar-pelajar bidang kesenian di akademi berkenaan akan memberi lebih banyak peluang kepadanya memperbaiki diri sendiri.

"Saya pernah menimba ilmu di ASK dan sekarang saya mencurahkan semula apa yang saya pelajari kepada pelajar baru di sini. Setiap kali berhadapan dengan pelajar-pelajar saya sentiasa merasa banyak benda yang saya belum tahu," katanya lagi.

Mengulas mengenai kelaziman arti berkahwin yang dikatakan bakal menurunkan popularitinya, Juhara tidak meraguragukan, jauh sekali merasa terkilan sekiranya perkara itu berlaku kepada dirinya.

"Sebelum kahwin pun saya pelakon biasa sahaja yang tidak terlalu popular berbanding pelakon lain. Jadi tidak ada apa yang perlu saya bimbangkan," jelasnya.

Menurut Juhara, status barunya tidak akan mengubah tahap disiplin ketika bekerja terutamanya apabila berada di lokasi.

"Disiplin diri paling penting. Ke mana sahaja kaki melangkah kalau kita letakkan disiplin di tangga pertama, tidak jadi masalah. Soal status juga tidak menjadi masalah seandainya kita berkemampuan membawa sebarang wang seperti diinginkan oleh pengarah," kata Juhara.

Menjadikan rakan-rakan pelakon seperti Vanida Imran, Melissa Salla dan beberapa lagi yang bijak membahagikan masa antara karier dan rumahtangga, Juhara percaya kalangan pelakon juga berhak mengecapi kebahagiaan hidup di rumah tangga.

"Bohonglah kalau saya katakan tidak takut untuk melayari kehidupan berumah tangga tetapi apa yang penting saling memahami dan bertolak ansur tegasnya lagi.

"Saya percaya kalau kita ikhlas dan jujur antara pasangan, tidak akan ada apa-apa perkara negatif berlaku di rumah tangga," katanya lagi.

JUHARA  
AYOB



**KETUA** kumpulan bergambar kenangan bersama Daeng Abdul Rahman (empat dari kiri).

# Festival Teater Malaysia 2002 dapat sambutan

Oleh Salbiah Ani

**KEMENTERIAN** Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan pasti berpuas hati dengan pencapaian Festival Teater Malaysia 2002 yang berakhir malam Isnin lalu sekurang-kurangnya dari segi kehadiran penonton kerana ia di luar dugaan sehingga melimpah ruah ke luar Auditorium MTC, Jalan Ampang.

Bagaimanapun, kehadiran sedemikian rupa tidak menganehkan kerana 14 kumpulan yang bertanding pada festival itu pasti memenuhi auditorium dan dengan penuh debar di-

tambah pula ada penonton didatangkan khas dengan bas seperti Universiti Putra Malaysia (UPM). Pemilihan kumpulan dari Singapura, Kolej Seni LA

lancongan negara pada masa depan boleh dicapai dengan syarat ada peranan teliti dan tersusun menginalnya disertai ijtihad daripada kementerian.

Justeru cadangan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk menjadikan acara Festival Teater Malaysia sebagai acara tahunan setiap Ogos pada masa depan pasti disambut baik semua penggiat teater tanah air.

Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Tengku Alaudin Tengku Abdul Maiddin meletakkan harapan Festival Teater Malaysia akan menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat perkembangan seni negara separang masa untuk pelancong

Rahman Daeng Ibrahim. Festival Teater Malaysia yang sebelum ini dikenali sebagai Pekan Teater Kebangsaan dan dihidupkan semula pada 1990 menggunakan format baru dalam penganugerahan kumpulan tanpa mengiktiraf pemenang mengikut sistem johan, naib johan dan ke-

lima kategori yang diperkenalkan ialah Anugerah Persembahan Dalam Pementasan, Anugerah Persembahan Yang Menjelaskan Naskhah Dengan Teratur, Anugerah Persembahan Yang Bermemori Secara Lucu Isu Sosial, Anugerah Persembahan Yang Berusaha Mengemukakan Permasalahan Semasa Menggunakan Watak Tradisional Me-

air dapat melihat kejayaan kumpulan yang bertalian muncul sebagai pemenang sekalipun mereka mememulaskan naskhah serupa seperti *Sang Puteri* karya Datuk Johan Jaafar.


Grup Teater Pendua, Gerak Seni dari Johor dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Persembahan Yang Menjelaskan Naskhah Dengan Kerja Yang Tersusun dan Teratur manakala Grup Teater Perubuhan Pentas Lakon (Pelakon) Universiti Malaya muncul untuk Anugerah Ekspertis Mental Dengan Unsur-unsur Theatrical Yang Menarik.

Anugerah Persembahan Yang Berusaha Kemukakan Persoalan Semasa Menggunakan Watak Tradisional Melayu. Ketua panel hakim, Prof Datin Dr Rahmah Bujang, ketika mengulas pencapaian kumpulan mengingati kan bahawa kejaksamaan memilih skrip, membuat kupasan bagi membahaskan ia dipentaskan dan di nikmati bersama penonton penting dalam pementasan teater.

"Perlu diingat teater memabitkan komposisi visual dan oral. Saya bersama empat lagi rakan panel sepakat memilih lima daripada 14 kumpulan yang turut serta pada festival ini dengan mengambil kira kriteria pengalihan, keberhasilan dan persembahan yang menyeluruh." Panel hakim turut meli-



PENONTON yang memenuhi Auditorium MTC, Ampang.



PETIKAN teater eksportimen Laluan.

hat keupayaan kumpulan menghantar kandungan cerita yang jelas dengan persembahan terisi dalam adunan yang menggabungkan ramuan reka bentuk dramatik dan mampu men-

ngawal persembahan agar tema cerita terpelihara dengan baik serta penyampaian terkawal. Katanya yang dibantu Prof Dr Mohamed Ghouse Nasaruddin, Prof Madya Dr Zainal Latiff, Ahmad Yatim Talib dan Bayu Utomo Radjikin. Di sebalik kemenangan lima kumpulan yang membawa pulang wang tunai RM2,000 ada beberapa penggiat teater yang terkilan dengan format baru pementasan kerana tidak menyetujui pelakon terbahak, pengarah terbaik dan bagaimana dengan teater



KARISMA bersama pembimbing mereka selepas muncul juara, Sabtu lalu. - Gambar oleh Izhari Ariffin

Berita Harian  
13/08

## Sabah juara Festival Nasyid Kebangsaan 2002

SABAH mengekalkan kecemerlangannya dalam irama nasyid apabila muncul lagi sebagai juara dalam Festival Nasyid Kebangsaan 2002 yang berlangsung di Dewan Muktamar, Pusat Islam, Kuala Lumpur, malam Sabtu lalu.

Lebih mencerikan apabila kumpulan Karisma yang mewakili Negeri Di Bawah Bayu itu menyapu bersih tiga kategori iaitu Nasyid Moden, Penciptaan Lagu Terbaik dan Persembahan Terbaik. Karisma yang mengetepikan tujuh kumpulan mempamerkan persembahan bertenağa dan bergaya dengan melodi yang menyegarkan.

Dengan kejayaan itu, Karisma memenangi hadiah wang tunai RM5,000, piala dan cenderamata iringan bagi kategori juara Nasyid Moden dan RM1,000 untuk Pencipta Lagu Terbaik menerusi komposer muda, Adi Shalai.

Karisma yang datang dari Sipitang dinaungi Pembantu Menteri Kebudayaan Sabah, Datuk Sapawi Ahmad menunjukkan persembahan yang menarik perhatian apabila lapan penyanyinya menggayakan aksi dan gaya memikat sekali gus mengundang tepukan gemuruh.

Naib juara bagi kategori Nasyid Moden dimenangi kumpulan Al-Ajiba, manakala kumpulan lain yang bertanding kategori itu ialah Firasat Inzar, Ar-Raudhah, An-Nur, Al-Ajiba, Lambaian Timur, Syahda dan Feel Heart.

Juara kategori Nasyid Tradisi dimenangi Nurul Ihsan yang mewakili Kementerian Kebudayaan Kesenian pelancongan manakala naib juara dimenangi Iltizam dari Johor. Kumpulan lain yang bertanding bagi kategori itu ialah Nurul Huda, Wildan, An-Najah, Shautul Warisan, Nur PDC dan Nur Siddiq.

Hadiah Penulis Lirik Terbaik dimenangi Marlini Irwan untuk kategori Nasyid Tradisi dan Zaiton Ajmain dalam kategori Nasyid Moden. Komposer Terbaik Nasyid Tradisi dimenangi Zahari Talib.

Pertandingan peringkat nasional kali

hamad Shahir Abdullah.

Juri pertandingan bagi kategori moden ialah Prof Madya Ramona Mohd Tahir, Datuk Johari Salleh dan Dr Ariff Ahmad, sementara kategori tradisi diadili Datuk Hassan Azhari, Shahibul Fadhl Sadikin dan Khairani Yaakob. Ia dipengerusikan Mustafa Abdul Rahman.

Juara setiap kategori memenangi RM5,000 dan piala manakala naib juara meraih wang tunai RM3,000 serta cenderamata iringan. Kumpulan yang tewas tetap menerima hadiah iaitu RM1,000.

Mengulas kemenangan Karisma, Adi Shalai berkata, kejayaan itu berbaloi kerana mereka bekerja keras dengan menjalani latihan selama sebulan di Studio Say Music Productions di Kota Kinabalu.



**TEATER MODEN:  
WIRA BUKIT**

13 hingga 15 September 2002  
DEWAN SIVIK, MPPJ, PETALING  
JAYA, SELANGOR.  
Jam: 8.30 malam  
(3.00 petang pada 15/9/2002)


*Penulis Skrip:*  
**DATO' A. SAMAD SAID**  
*Pengarah:*  
**AHMAD YATIM**

*Pelakon:*  
**WAN KANARI WAN IBRAHIM,  
SHAMAINE OTHMAN,  
MACYNTHIA HARZUNI  
MOHAMMED,  
PIZI JIHAT, NORDIN HAMID,  
CHE ZIHAN CHE ISMAIL,  
SUBIR CHE SELIA,  
SAIFULLAH MOHD. GHAZALI  
DAN  
MOHD. ARFANIE KASNI.**

**SINOPSIS**

Zahdi pulang ke kampung halaman, setelah 27 tahun "melarikan diri" ke tanah seberang untuk turut serta dalam perjuangan kemerdekaan negara serumpun itu. Kepulangnya ketika kampung sedang berbahang dengan kempen pemilihan pemimpin baru menimbulkan persoalan dikalangan orang banyak. Nirah, kekasih yang ditinggalkannya selama itu dan masih belum berkahwin, juga tertanya-tanya. Zahdi terpaksa menjawab banyak soalan dibalik "kehilangannya" yang penuh misteri itu.

**IV MONODRAMA**



**TEATER:  
IV MONODRAMA**

Tiket: RM10 dan RM5 (Pelajar)

**AUDITORIUM  
MUZIUM NEGARA**

Jalan Travers, Kuala Lumpur  
Jam: 8.30 malam

**20 - 21 September 2002**

**I. DIBAWAH  
LINDUNGAN  
KAABAH**

(Berdasarkan novel karya HAMKA)  
*Arahan:* MARLIA MUSA

**II. DINDING**

*Idea asal:* Hj. Zubir Ali  
*Skrip:* Dorothy Jonathan Linggang  
*Arahan:* ROSDEEN SUBOH

**22-23 September 2002**

**III. LEMBU**

*Arahan bersama:*  
NAM RON/SHAHRUL MIZAD

**IV. PETAKA**

*Karya:* HAMZAH TAHIR  
berdasarkan MACBETH Karya  
Shakespeare  
*Arahan:* HAMZAH TAHIR



**TEATER KLASIK:  
RAJA LEAR**

Tiket: RM10 dan RM5 (Pelajar)

17 hingga 20 Oktober 2002  
Auditorium Tunku Abdul Rahman  
Pusat Pelancongan Malaysia, Jalan  
Ampang, Kuala Lumpur.  
Jam: 8.30 malam

*Penulis Skrip:*  
**SHAKESPEARE**  
*Pengarah:*  
**MARZUKI ALI**

*Pelakon:*  
**AHMAD YATIM, SAIFUL BAKHTIAR,  
ISMALIZA ISHAK, WAN KANARI,  
AMIRA SARIYATI,  
MOHAMAD SAIFULLAH,  
ZURIAH MOHAMAD, AZMI,  
M. NASRI AYOB, SUBIR CHE  
SELIA, ROSLI MD. TAIB, SHIRLEY  
GAN BEE BEE, MD. EYZENDY DLL.**

**SINOPSIS**

Raja Lear, Raja Britain yang sudah tua, berhasrat untuk membahagikan kuasanya kepada tiga orang anakandanya Goneril, Regan dan Cordelia. Puteranya Goneril apabila ditanya, melahirkan pernyataan kasihnya terhadap baginda, Regan mengikutinya dengan puji-pujian yang berlebih-lebihan. Cordelia pula jujur dengan kasih sayangnya terhadap baginda dengan menyatakan ia menyayangi baginda sebagaimana seorang puteri menyayangi ayahandanya. Raja amat kecewa dengan sikap Cordelia dan menarik balik warisan kuasa yang diberikan kepadanya. Dalam pada itu Raja Perancis menyatakan yang dia berbangga untuk mengahwini Cordelia.

**DIARI**

- **BACA** Puisi Majlis Makan Malam bagi Persatuan Murid-Murid Tua Sekolah Izzudin Shah dan Raja Perempuan Taayah, Ipoh Perak yang dijangka akan diadakan pada September/Oktober nanti. Semua bekas pelajar Sista dijemput hadir. Keterangan lanjut hubungi segera Yaakub Jaafar 05-2415522/05-3120500/ 010-5128171 dan Azman Omm 05-2417634/019-5572525.
- **PENGENDALI** komuniti-dalam-talian puisi Melayu (communityzero/penyair) menyediakan hadiah RM2002 bagi puisi terbaik yang disiarkan di halaman itu sepanjang 2002. Wang tunai adalah hadiah bagi Anugerah Penyair Alam Siber 2002 (APAS 2002) yang sedang dikendalikan. Semua peminat puisi Melayu dipelawa menjadi ahli dan menyumbangkan puisi untuk anugerah itu dengan melayari laman [www.communityzeroari.com/penyair](http://www.communityzeroari.com/penyair). Keterangan lanjut hubungi emel: drirwan@hotmail.com atau sen\_wanbakar@um.edu.my
- **TEATER** Merdeka! Merdeka! Merdeka! akan dipersembahkan di Istana Budaya, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur bermula 18 Ogos hingga 6 September 2002. Semua dijemput hadir. Keterangan lanjut hubungi Mariam Sulaiman 03-40252525 atau Muhsinatul Amal Mustapha 03-40255547.
- **BULAN** Bahasa dan Sastera Negara Peringkat UKM antara acara sambutan ialah Pertandingan Deklamasi Puisi dan Pidato (antara Kolej) 28 Ogos 2002. Peraduan Penulisan Esei dan Kreatif Puisi, Cerpen, Skrip Drama dan Esei tarikh tutup penyertaan 2 September 2002. Forum bersama Sasterawan Negara Datuk A Samad Said, Datuk Abdullah Hussain, Datuk Noordin Hassan dan Arenawati pada 19 September. Pertandingan Pidato dan bercerita (antara sekolah) pada 25 September. Bengkel penulisan kreatif pada 28 September 2002. Orang ramai dijemput hadir. Keterangan lanjut hubungi Radzuan Ghazali 013-2087937.
- **SIMPOSIUM** Melayu Malaysia (SMM) bertemakan Melayu Era Globalisasi Edaran dan hala tuju anjuran Persatuan Kakitangan Akademik, UKM (PKAUKM) dan Kolej Rahim Kajai akan berlangsung dari 25 Ogos 2002 di Kelab Rekreasi Universiti (KRU), UKM. Orang ramai dijemput hadir. Keterangan lanjut hubungi Radzuan Ghazali 013-2087937.
- **UNIVERSITI** Putra Malaysia mengadakan Sambutan Perayaan Bulan Kemerdekaan ke-45 Peringkat UPM sehingga 16 September 2002 di Panggung Percubaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM. Semua dijemput hadir. Keterangan lanjut hubungi Aris Fadzilah Abdullah 03-89466000.
- **MALAM** Puisi Patriotik 2002 akan diadakan pada Rabu, 28 Ogos ini di Taman Putra Perdana, Putrajaya jam 8 malam. Semua dijemput hadir. Keterangan lanjut hubungi Zuryati Zakaria 03-88887707/019-3301819.
- **MAJLIS** Perasmian Bulan Bahasa dan Sastera Negara 2002 anjuran Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (PPBKKM), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) UKM oleh Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr. Anuwar Ali akan berlangsung pada 28 Ogos 2002 jam 9 pagi di Bilik Senat, Bangunan Canselor, UKM, Bangi. Semua dijemput hadir. Keterangan lanjut hubungi Radzuan Ghazali 013-2087937.
- **MINGGU** Cetusan Seni UKM 2002 anjuran Pusat Kebudayaan UKM akan berlangsung dari 2 hingga 7 September 2002 jam 9 pagi hingga 5 petang di Panggung Seni, Dewan Canselor Tun Abdul Razak, UKM, Bangi. Semua dijemput hadir. Keterangan lanjut hubungi Radzuan Ghazali 013-2087937.
- **MALAM** Puisi Islam akan diadakan pada 3 September 2002 di Dewan Mukhtar, Pusat Islam (berhampiran Masjid Negara) bermula jam 8 malam. Orang ramai dijemput hadir. Antara yang turut serta SN Datuk A Samad Said, Datuk Dr Firdaus Abdullah, Ustaz Uthman Muhammady dan ramai lagi. Keterangan lanjut hubungi Tajudin Saman 019-2864994.
- **BENGGEL** Penghayatan Budaya 2002 anjuran Pusat Kebudayaan UKM akan berlangsung dari 21 dan 22 September 2002 di Air Kroh, Melaka. Orang ramai dijemput hadir. Keterangan lanjut hubungi Radzuan Ghazali 013-2087937.
- **MALAM** ini akan diadakan baca puisi di bawah tajuk Malam Sanggar Puisi Kemerdekaan 2002 di Pusat Kegiatan Pelajar, Universiti Utara Malaysia di Sintok, Kedah. Orang ramai dijemput hadir. Keterangan lanjut hubungi Noor Azman Yusoff 04-7005545.
- **PERSEMBAHAN** Teater Muzikal Islam bertemakan Malam Menyemai kasih bertaut budi anjuran Ikatan Study Islam (ISI) UKM dengan kerjasama Hijaz Entertainment Sdn Bhd dan Pusat Kebudayaan UKM pada 27 Ogos 2002 jam 8 malam di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (Dectar), UKM. Orang ramai dijemput hadir. Keterangan lanjut hubungi Radzuan Ghazali 013-2087937.
- **PERDIKA** sedang Rasulullah dan Khalid bin Walid ada dinamakan



AKADEMI SENI KEBANGSAAN  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN  
MALAYSIA

## TEMUDUGA DAN UJIBAKAT TERBUKA

(Walk in Audition/Interview)

### PROGRAM PENGAJIAN AKADEMI SENI KEBANGSAAN (SEPARUH MASA)

PENGAMBILAN NOVEMBER 2002

TEMPOH PENGAJIAN: 11 NOV. 2002 - 5 APRIL 2003

Program Pengajian Akademi Seni Kebangsaan telah mendapat pengiktirafan  
Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Pendidikan Malaysia

Akademi Seni Kebangsaan (ASK) adalah sebuah institusi pengajian tinggi di bawah naungan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia yang memberi pengkhususan dalam bidang seni secara formal dan sistematik. Anda yang berminat untuk mengikuti beberapa kursus dalam bidang seni separuh masa bertahap Sijil (2-6 jam seminggu bagi setiap kursus selama 14 minggu) adalah dipelawa memohon di dalam pengkhususan seperti berikut:-

#### KURSUS WAJIB AKADEMI

PWA 1022	Bahasa Inggeris I
PWA 1032	Pemantapan Bahasa Melayu
PWA 1042	Tinjauan Teater Tradisional Asia
PWA 1072	Wayang Kulit II
PWA 2262	Bahasa Inggeris II
PWA 2302	Mak Yong II
PWA 3522	Metodologi Penyelidikan
PWA 3542	Bangsawan II

#### PROGRAM MUZIK

PMZ 1012	Gamelan I
PMZ 1022	Tak Lempong I
PMZ 1032	Pengenalan Kepada Teori Muzik
PMZ 1052	Kemahiran Vokal
PMZ 1082	Teori Muzik

#### PROGRAM PENULISAN

PPN 2302	Penulisan Lirik
PPN 2322	Penulisan Drama
PPN 2342	Penulisan Lakon Layar I
PPN 2373	Penulisan Cereka TV
PPN 2383	Penulisan Skrip Animasi
PPN 3573	Penulisan Lakon Layar Adaptasi

#### PROGRAM TARI

PTR 1042	Teknik Tari Tradisional II
PTR 1052	Teknik Tari Barat II
PTR 2402	Ballet II
PTR 2412	Tari Moden II
PTR 3612	Tari Sabah
PTR 3642	Tari Klasik Melayu II
PTR 3652	Ballet IV
PTR 3662	Tari Moden IV
PTR 3672	Jazz II

#### PROGRAM TEATER

PTE 2282	Pengurusan Pentas
PTE 2312	Pergerakan Lanjutan
PTE 2363	Rekaan Set dan Props
PTR 2373	Pengarahannya Lanjutan
PTR 3523	Produksi Teater Eksperimen

#### PROGRAM SINEMATOGRAFI

PSF 1042	Teori dan Kritikan Filem
PSF 1052	Genre Filem, TV dan Video
PSF 1062	Auteur Filem

#### KELAYAKAN PEMOHON

Pemohon-pemohon dikehendaki mempunyai kelayakan seperti berikut:

- Sijil Pelajaran Malaysia dengan kepujian dalam Bahasa Malaysia dan dua (2) mata pelajaran lain serta lulus Matematik atau Perdagangan atau Prinsip Akaun, atau Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia dengan satu prinsipal dan lulus dalam mata pelajaran Ekonomi, atau

Sijil Seni Kreatif, Sijil Perguruan atau Diploma dalam bidang-bidang berkaitan  
DAN

- Mempunyai pengalaman atau pengetahuan asas dalam bidang berkaitan

Calon-calon yang memohon Program Teater dan Program Tari akan diujibakat.  
Calon-calon Program Penulisan diminta membawa contoh penulisan yang telah dihasilkan.  
Calon-calon Program Muzik akan diuji dari segi pembacaan nota.  
Calon-calon untuk Program Sinematografi diuji kemahiran melukis.

#### TEMUDUGA/UJIBAKAT

Tarikh : 14 & 15 Oktober 2002  
Masa : 9.00 pagi hingga 3.30 petang  
Tempat : Akademi Seni Kebangsaan  
Tingkat 37, Empire Tower,  
182, Jalan Tun Razak,  
50400 KUALA LUMPUR.

Sila bawa bersama:-

- Wang Pos/Kiriman Wang Pos dengan amaun RM10.00 atas nama AKAUN AMANAH AKADEMI SENI KEBANGSAAN
- Salinan dokumen-dokumen yang telah disahkan, dan
- Dokumen-dokumen asal.

## DIARI SASTERA



● PEJABAT Kebudayaan dan Kesenian Terengganu menganjurkan Seminar 'Pemikiran Tokoh Peringkat Negeri Terengganu' pada 15 Mac 2003 bermula jam 10 pagi, menampilkan SN Datuk A Samad Said (**gambar**), manakala program Apresiasi Teater turut diadakan di Studio Latihan Teater pada 16 Mac jam 5 petang bersama Prof Madya Dr Samat Salleh. Keterangan lanjut sila hubungi Azaha Othman/ Maarof Seman 09-6178831/34. Orang ramai dijemput hadir.

● TEATER On-Stage II akan berlangsung pada 28 Februari di Mini Auditorium, Matic, Jalan Ampang, Kuala Lumpur anjuran Akademi Seni Kebangsaan. Keterangan lanjut hubungi Raizuli 012-2393741 atau 03-21649180 sam 272.

● TEATER Eksperimen di Auditorium Tuanku Abdul Rahman, Matic, Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Keterangan lanjut hubungi Raizuli 012-2393741. Orang ramai dijemput hadir.

● ASK mengadakan persembahan 'Malam Tarian Sabah' di Auditorium Tuanku Abdul Rahman, Matic, Jalan Ampang, Kuala Lumpur pada 4 Mac 2003. Orang ramai dijemput hadir.

● 8 Mac akan diadakan 'Bicara Filem 1' di Mini Auditorium Matic, Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Orang ramai dijemput hadir.

● JABATAN Pendidikan Negeri Sembilan dengan kerjasama Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Ampangan, Persatuan Penulis Negeri Sembilan (Pen) dan Pejabat Kebudayaan Negeri Sembilan mengadakan 'Seminar Puisi Teater dan Pementasan Drama Komsas SPM 2002/3' pada 25 hingga 27 Mac 2003 di Hotel Hilton dan Dewan MPS, Seremban, Negeri Sembilan dari 8 pagi hingga 10 malam. Orang ramai dijemput hadir. Keterangan lanjut hubungi Siti Salbiah 012-6907747/06-6780642.

● SYARIKAT Kapas Enterprise melalui majalah elektronik 'e-sastera' (<http://www.geocities.com/esastera>) melancarkan tiga anugerah sastera untuk 2003. Anugerah itu ialah Anugerah Penyair Alam Siber (APAS) 2003, Anugerah Sajak Jenaka Alam Siber (ASJAS) 2003, dan Anugerah Cerpen Alam Siber (ACAS) 2003. Anugerah membawa hadiah wang tunai RM2003 untuk APAS dan RM1000 setiap satu untuk ASJAS dan ACAS. Karya yang disiarkan sepanjang tempoh 2003 hingga 2005 akan dipertimbangkan untuk anugerah Sasterawan Negara Alam Siber (SNAS). Yang ingin mengambil bahagian dipersilakan mengakses majalah "e-sastera" dengan segera. Keterangan

Muzik  
Penulisan.  
Mhad 23/02/03.

# Kenapa tidak manfaatkan pelajar lulusan ASK?

KEMELUT teater di Malaysia tidak akan berkesudahan selagi mekanisme yang menggerakkan kerja mengenainya tidak memperincikan salasilah budaya teater sebagai pertanggungjawaban sebenarnya. Nilai protagonis atau antagonis yang menyuarung dalam mekanisme kerja mengenainya, selama ini berperanan besar menyulap peraturan 'berjagung-jagung dulu sementara menunggu padi masak'.

Dimensi akal fikir yang berteraskan nilai 'jauh disokong, dekat ditapung' tidak membudaya dalam ruang kebersamaan yang memungkinkan hidupnya kerja teater di setiap pelusuk negeri ini.

Kedudukan sebagai pegawai di waktu yang sama berkesempatan mengarah pementasan, barangkali tidak menyalahi peraturan pejabat.

Tapi tumpuan untuk merangka pembangunan teater dalam sifatnya yang khusus dan memenuhi tanggungjawab birokrasi sebagaimana yang diamanahkan kepadanya tidakkah memesongkan arah tujuan perjawatan yang disandang sebagai pegawai atau pengarah kebudayaan misalnya?

Kesan dari persoalan inilah berlakunya pergeseran antara mereka yang disebutkan itu dengan kelompok atau perseorangan di luar jabatan yang memang mempunyai hasrat untuk 'hidup dan mati' bersama teater.

Selain itu, apabila ada kritikan mengenai pementasan yang dikerjakan oleh mereka yang mempunyai kaitan dengan jabatan akan dianggap berbau emosi. Maknanya ada 'simpati' yang harus dipupuk untuk tidak menjejaskan kewibawaannya sebagai pengarah.

Inilah kemunafikan yang sangat meluas dan membantutkan, bahkan mungkin sudah membunuh semangat teater yang pernah sempat berkobar pada pertengahan tahun 70-an hingga 1990 dulu.

Takrif bebas yang selalu diguna pakai untuk orang yang mempersoalkan kemantapan, kelancaran, kewibawaan pengarah, pelakon dan persembahan secara keseluruhan ialah 'pengkritik tidak jujur'.

Emosi. Nilai kritikan tidak ke mana sebab pengkritik sendiri tidak memahami persoalan secara keseluruhan. Kritikan tidak berlandaskan fakta. Tidak akademik.

Itu pandangan peribadi, bukan pandangan penonton secara keseluruhan. Itulah antara 'perisai' yang digunakan untuk menghalalkan apa jua rupa ketidaksesuaian yang cuba diungkapkan oleh 'pemerhati' yang tidak mempunyai apa-apa kepentingan terhadap perjawatan.

Fenomena yang merantai pembentukan budaya teater di negara ini bertitik-tolak dari persoalan maruah dan kejujuran.

Definisi maruah mungkin sesuatu yang subjektif sifatnya. Namun, kejujuran meletakkan maruah diri sebagai petugas (menteri, ketua pengarah, pengarah, pe-

## B u a I TEATER

Oleh KHALID SALLEH



6 **Apabila ada kritikan mengenai pementasan yang dikerjakan oleh mereka yang mempunyai kaitan dengan jabatan akan dianggap berbau emosi. Maknanya ada 'simpati' yang harus dipupuk untuk tidak menjejaskan kewibawaannya sebagai pengarah. Inilah kemunafikan yang meluas dan membantutkan, bahkan mungkin sudah membunuh semangat teater yang pernah sempat berkobar pada pertengahan tahun 70-an 9**

gawai) di institusi pemerintahan seumpama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan beberapa nama institusi kebudayaan dan kesenian yang bernaung di bawahnya seperti Istana Budaya adalah manifestasi pemerintah untuk menggalakkan berkembangnya apa saja yang bernama kebudayaan dan kesenian.

Petugas (menteri dan anggota kerabat kepegawaiannya) adalah memastikan budaya dan kesenian membudaya dalam kehidupan masyarakat secara keseluruhan.

Tanggungjawab mereka melaksanakan amanah perjawatan. Jawatan sebagai pengarah atau pegawai kebudayaan misalnya adalah memastikan produktiviti kebudayaan dan kesenian terus berperanan menjadi input kepada keperluan masyarakat.

Pementasan teater, bangsawan, menora, mak yong, wayang kulit, dikir barat, kuda kepang, hadrah, gasing, galah panjang, rodan, boria, mek mulong dan sebagainya lagi adalah manifestasi kehidupan manusia di negara ini yang sebahagian di antaranya hampir pupus atau sudah berkubur.

Bagaimana memastikan budaya kesenian berinteraksi dalam kehidupan ma-

## DIARI

● **SEBANYAK** 80 karya koleksi himpunan tetap Balai Seni Lukis Negara yang mempamerkan pembentukan peribadi elektif dalam seni moden Malaysia dipamerkan sehingga 31 Disember 2002. Karya ini menggambarkan masyarakat majmuk, budaya dan persekitarannya yang membentuk Malaysia moden serta pengaruh moden bermula dari 1930-an. Keterangan lanjut hubungi Hashimah Nyok 03-40254990

● **MAJLIS** Pelancaran Wacana Pendidikan Islam anjuran Fakulti Pendidikan UKM pada 21 hingga 23 Januari 2003 jam 10.30 pagi di Bilik Senat, Bangunan Canselor, UKM, Bangi. Semua dijemput hadir. Keterangan lanjut hubungi Radzuan Ghazali 013-2087937.

● **BENGKEL** Pemetaan Bahasa di Alam Melayu: Pelaksanaan Amanat anjuran Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) pada 18/19 Disember 2002 jam 9 pagi di Sudut Wacana, ATMA, UKM, Bangi. Semua dijemput hadir. Keterangan lanjut hubungi Radzuan Ghazali 013-2087937.

● **FESTIVAL** Teknologi Komunikasi dan Informasi pada 15 hingga 19 Januari 2003 di KUO, UKM, Bangi.

● **PAMERAN** Mini Perayaan Masyarakat Malaysia diadakan di Perpustakaan Akademi Kebangsaan dari 1-30 Disember. Orang ramai dijemput hadir. Keterangan lanjut hubungi Raizuli 019-2158064/03-21649180.

● **PAMERAN** lukisan berunsurkan seni bina diadakan di lobi Hotel Concorde, Shah Alam. Pelukis terbabit Chris Tan, Federica Armstrong, Nirmala Karuppiyah dan Severine Blanhet dari 1 November hingga 3 Januari 2003. Semua dijemput hadir. Keterangan lanjut hubungi Wendy Yap 03-55177107.

● **KONSERT** Muzik 3E di Akademi Seni Kebangsaan pada 21-22 Disember. Keterangan lanjut hubungi Raizuli 019-2158064/03-21649180.

● **BALAI** Seni Lukis Negara menganjurkan 'Saksi.' Pertandingan Seni Lukis bersejarah kebangsaan 2002 bagi peringkat Perak. Borang penyertaan boleh didapati di Yayasan Kesenian Perak, 32, Laluan Tasik Timur 12, Taman Seri Dermawan 31400 Ipoh. Tarikh tutup 30 Disember 2002. Keterangan lanjut hubungi 05-5484150 atau Fax 05-5484151.

● **PAMERAN** Produk Warisan Kraf Mushaf yang mempamerkan produk bercirikan Seni Khat dan Zulkhruf seperti persenjataan, pakaian, bangunan dan hiasan dalaman di Kompleks Kraf Kuala Lumpur, Jalan Conlay, Kuala Lumpur dari 20 November hingga 15 Februari 2003. Orang ramai dijemput hadir. Keterangan lanjut hubungi 03-Faezah/Fazlin 03-21627533 sam 176.

● **MAJLIS** Penyampaian Hadiah Karya Ilmiah 2001 di Hotel Pan Pacifik, Kuala Lumpur jam 8.30 malam pada 20 Disember 2002. Semua dijemput hadir. Keterangan lanjut hubungi Ismail Karmun 012-2676460/03-21483193.

● **PELANCARAN** buku 'Majlis Raja-Raja Kedudukan Dan Peranan Dalam Perlembagaan' di Hotel Nikko jam 10 malam.

● **SEMINAR** Pemikiran Ulama' Syeikh Abdus Samad Ai-Falembani di Dewan Masjid Kompleks Al-Bukhari, Alor Setar, Kedah bermula jam 8.30 pagi pada 30 Disember.

● **DEWAN** Bahasa dan Pustaka (DBP) mengadakan Majlis Citra Wangsa 2002 pada 17 Disember 2002 di Hotel Nikko jam 8 malam.

● **MALAM** Anugerah Seni UKM 2002 pada 20 Disember 2002 jam 9 pagi di Dewan Canselor Tun Abdul Razak

Ahad  
01/12/2002

# DIARI

- PERSATUAN Penulis Kelantan (PPK) akan mengadakan Majlis Mesra Aidilfitri PPK 2002 di Dewan Pusat Usahawan Mara (Pusma), Tingkat 2, Kompleks Mara, Jalan Dato Pati, Kota Bharu pada 9 Disember 2002. Majlis terbuka kepada semua sasterawan.
- SEBANYAK 80 karya koleksi himpunan tetap Balai Seni Lukis Negara yang mempamerkan pembentukan peribadi elektif dalam seni moden Malaysia dipamerkan sehingga akhir tahun ini. Karya ini menggambarkan masyarakat majmuk, budaya dan persekitarannya yang membentuk Malaysia moden serta pengaruh moden bermula dari 1930-an. Keterangan lanjut hubungi Hashimah Nyok 03-40254990
- PAMERAN Mini Perayaan Masyarakat Malaysia diadakan di Perpustakaan Akademi Kebangsaan dari 1-30 Disember. Orang ramai dijemput hadir. Keterangan lanjut hubungi Raizuli 019-2158064/03-21649180.
- PAMERAN lukisan berunsurkan seni bina diadakan di lobi Hotel Concorde, Shah Alam. Pelukis terabit Chris Tan, Federica Armstrong, Nirmala Karupiah dan Severine Blanhet dari 1 November hingga 3 Januari 2003. Keterangan lanjut hubungi Wendy Yap 03-55177107.
- KONSERT Muzik 3E di Akademi Seni Kebangsaan pada 21-22 Disember. Keterangan lanjut hubungi Raizuli 019-2158064/03-21649180.
- BALAI Seni Lukis Negara menganjurkan 'Saksi' - Pertandingan Seni Lukis bersejarah kebangsaan 2002 bagi peringkat Perak. Borang penyertaan boleh didapati di Yayasan Kesenian Perak, 32, Laluan Tasik Timur 12, Taman Seri Dermawan 31400 Ipoh. Tarikh tutup 30 Disember 2002. Keterangan lanjut hubungi 05-5484150 atau Fax 05-5484151.
- PAMERAN Produk Warisan Kraf Mushaf yang mempamerkan produk bercirikan Seni Khat dan Zukhruf seperti persenjataan, pakaian, bangunan dan hiasan dalaman di Kompleks Kraf Kuala Lumpur, Jalan Conlay, Kuala Lumpur dari 20 November hingga 15 Februari 2003. Orang ramai dijemput hadir. Keterangan lanjut hubungi 03-Faezah/Fazlin 03-21627533 sam 176.
- MAJLIS Penyampaian Hadiah Karya Ilmiah 2001 di Hotel Pan Pasifik, Kuala Lumpur jam 8.30 malam pada 20 Disember 2002. Semua dijemput hadir. Keterangan lanjut hubungi Ismail Karmun 012-2676460/03-21483193.
- PELANCARAN buku 'Majlis Raja-Raja Kerdudukan Dan Peranan Dalam Perlembagaan' di Hotel Nikko jam 10 malam. Semua dijemput hadir pada 26 Disember 2002. Keterangan lanjut hubungi Ismail Karmun 012-2676460/03-21483193.
- SEMINAR Pemikiran Ulama' Syeikh Abdus Samad Ai-Falembani di Dewan Masjid Kompleks Al-Bukhari, Alor Star, Kedah jam 8.30 pagi. Semua dijemput hadir. Keterangan lanjut hubungi Ismail Karmun 03-21483193/012-2676460.
- DEWAN Bahasa dan Pustaka (DBP) mengadakan Majlis Citra Wangsa 2002 pada 17 Disember 2002 di Hotel Nikko jam 8 malam.
- SYARAHAN Awam Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (Lestari) UKM akan berlangsung pada 19 Disember 2002 jam 9 pagi di Bilik Senat, Bangunan Canselor, UKM Bangi. Orang ramai dijemput hadir. Keterangan lanjut hubungi Radzuan Ghazali 013-2087937
- MALAM Anugerah Seni UKM 2002 pada 20 Disember 2002 jam 9 pagi di Dewan Canselor